



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA-ANAK, PENGARUH  
RAKAN SEBAYA, ESTIM DIRI DAN LOKUS KAWALAN DENGAN SIKAP  
SEKSUAL REMAJA HAMIL LUAR NIKAH***

NOR JUM'AWATON BINTI SHAHRUDDIN

FEM 2018 4



**PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA-ANAK, PENGARUH  
RAKAN SEBAYA, ESTIM DIRI DAN LOKUS KAWALAN DENGAN SIKAP  
SEKSUAL REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Oleh

**NOR JUM'AWATON BINTI SHAHRUDDIN**


Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Oktober 2017

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Terima kasih atas doa dan restu kedua ibu bapa tercinta Shahruddin Lahit & Ramlah Mohammed.

Terima kasih juga atas doa, cinta, pengorbanan dan sokongan daripada tiga insan istimewa dalam hidupku, Ridzwan Rashidin, Raihanna Darwisya dan Rania Darwisya.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA-ANAK, PENGARUH  
RAKAN SEBAYA, ESTIM DIRI DAN LOKUS KAWALAN DENGAN SIKAP  
SEKSUAL REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Oleh

**NOR JUM'AWATON BINTI SHAHRUDDIN**

Oktober 2017

Pengerusi : Profesor Madya Mariani Binti Mansor, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Memahami faktor luaran dan faktor dalaman yang akan mempengaruhi pembentukan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual adalah sangat penting untuk diukur seterusnya membekalkan sumber maklumat untuk merangka intervensi yang bersesuaikan. Kajian ini menekankan kepada perspektif perkembangan untuk memahami dan menjelaskan perkaitan pemboleh ubah bebas dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Teori kognitif sosial (Bandura, 1977) telah digunakan sebagai panduan dalam membina kerangka teoritikal kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian korelasi. Responden kajian terdiri daripada 204 orang remaja hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun yang dipilih dengan menggunakan persampelan kluster pelbagai peringkat (*multi-stage cluster sampling*). Kajian ini melibatkan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia yang berada di institusi perlindungan dan pemuliharaan di Taman Seri Puteri di Cheras Selangor, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak, Raudhatus Sakinah Johor, Raudhatus Sakinah Pulau Pinang, Raudatus Sakinah Melaka, Raudatus Sakinah Kelantan dan Raudatus Sakinah Selangor.

Lima instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Inventory Parent and Peer Attachment* oleh Gay Armsden dan Mark Greenberg (1987), *Brief Sexual Attitudes Scale* oleh Hendrick, Hendrick, dan Reich, (2006), *Rosenberg Self-Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965), *Peer Pressure, Popularity and Conformity Inventory* oleh Santor, Messervey dan Kusumakar (2000), dan *Rotter I-E Scale* oleh Rotter (1966). Analisis statistik deskriptif, ujian korelasi Pearson, analisis regresi berganda, pengujian pengantara (mediator) dan penyerdehana (moderator) dengan menggunakan analisis *bootstrapping* (perisian PROCESS Macro) diaplikasi dalam kajian ini.

Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan wujud perkaitan signifikan antara umur dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahun pendidikan responden, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Seterusnya, wujud perkaitan yang signifikan antara perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Selain itu wujud perkaitan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Dapatan kajian juga membuktikan estim dirirendah dan lokus kawalan luaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Analisis regresi berganda menunjukkan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual dapat diramalkan oleh pemboleh ubah bebas (tekanan rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan, populariti rakan sebaya, kepercayaan dan komunikasi dengan ibu bapa). Dapatan kajian membuktikan prediktor unik yang paling tinggi menyumbang kepada sikap liberal terhadap tingkah laku seksual adalah tekanan rakan sebaya. Analisis pengantara menggunakan *bootstrap* mendapati pengaruh tidak langsung perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui pengantara (estim diri) adalah tidak signifikan. Manakala pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui pengantara (estim diri) adalah signifikan. Analisis *bootstrapping* atas ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui penyederhana (moderator) lokus kawalan menunjukkan kesan interaksi adalah tidak signifikan. Pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap liberal terhadap tingkah laku seksual melalui penyederhana (moderator) lokus kawalan menunjukkan kesan interaksi adalah signifikan.

Dapatan kajian membuktikan gaya masa kini membuktikan remaja terlalu mudah dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya melalui aspek populariti serta tekanan daripada rakan sebaya. Hal ini menunjukkan faktor status sosial seharusnya diberi perhatian serius dan diambil kira dalam membangunkan program intervensi bagi menghalang serta mencegah fenomena hamil luar nikah daripada terus berleluasa. Selain itu terapi keluarga juga dilihat mampu dijadikan sebagai salah satu intervensi krisis serta pendekatan kemahiran penyelesaian masalah antara remaja dengan ibu bapa. Kajian ini mengesyorkan program kesihatan seksual dan reproduktif serta program intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi yang mensasarkan kepada faktor pembentukan sikap konservatif terhadap tingkah laku seksual yang selamat dipertingkatkan bagi remaja di Malaysia. Justeru, kajian ini memberi input langsung kepada dasar negara seterusnya menyumbang terhadap korpus ilmu serta advokasi sosial bagi penggubalan dasar negara demi kesejahteraan masyarakat khasnya kelompok remaja.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**RELATIONSHIP BETWEEN PARENT-CHILD ATTACHMENT, PEER  
INFLUENCE, SELF-ESTEEM AND LOCUS OF CONTROL WITH SEXUAL  
ATTITUDE TEENAGERS OUT OF WEDLOCK**

By

**NOR JUM'AWATON BINTI SHAHRUDDIN**

**October 2017**

**Chairman : Associate Professor Mariani Binti Mansor, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Understand internal and external factors influence the formation and cultivation of the liberal attitude towards sexual behaviour is extremely important to be measured and provides information for appropriate intervention. This study emphasized on developmental perspective in order to understand and explain the relevance of independent variables to the attitude towards sexual behaviour. This study applied Social Cognitive Theory (Bandura, 1977) as a guide in building the theoretical framework. This is quantitative research used a correlation study design. The respondents for this study comprised 204 pregnant teenagers out of marriage aged between 14 to 19 years, were selected using a multi-stage cluster sampling technique. The study involved teenagers out of in Peninsular Malaysia at shelters and rehabilitation institutions in Taman Seri Puteri in Cheras Selangor, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak, Raudhatus Sakinah Johor, Raudhatus Sakinah Penang, Raudhatus Sakinah Melaka, Raudhatus Sakinah Kelantan and Raudhatus Sakinah Selangor.

Five instruments used in this study are Inventory of Parent and Peer Attachment by Gay Armsden and Mark Greenberg (1987), Brief Sexual Attitudes Scale by Hendrick, Hendrick and Reich, (2006), Rosenberg Self-Esteem Scale by Rosenberg (1965), Peer Pressure, Popularity and Conformity Inventory by Santor, Messervey and Kusumakar (2000), and Rotter I-E Scale by Rotter (1966). The descriptive statistics, Pearson's correlation, a multiple regression analysis, mediator and the moderator by using bootstrapping analysis (PROCESS Macro software) used in this study.

The results of the Pearson's correlation analysis showed a significant relationship between age and the liberal attitude towards sexual behaviour. The findings of the study also showed that there was no significant relationship between the years of education of the respondents, the level of education of the father and the level of education of the mother with the attitude towards sexual behaviour. Next, there was a significant relationship between the parent-child attachment (communication, 001), trust and alienation with the liberal attitude towards sexual behaviour. In addition, there was a significant correlation between peer pressure and peer popularity with the liberal attitude towards sexual behaviour. The findings also proved that lower self-esteem and the external locus of control had a significant relationship with the liberal attitude towards sexual behaviour among teenagers out of wedlock.

The multiple regression analysis showed the liberal attitude towards sexual behaviour could be predicted by the independent variable in the studied model (peer pressure, self-esteem, locus of control, peer popularity, trust and communication with parents). The findings of the study proved that the highest unique predictors of the liberal attitude towards sexual behaviour were peer pressure. The results of the bootstrapping analysis on the indirect effect of the parent-child attachment (communication, trust and alienation) on the attitude towards sexual behaviour through the mediator (self-esteem) was not significant. The indirect effect of the peers influence (peer pressure and peer popularity) on the liberal attitude towards sexual behaviour through the mediator (self-esteem) was significant. The bootstrapping analysis of the parent-child attachment (communication, trust and alienation) on the attitude towards sexual behaviour through the locus of control as moderator showed that the interaction effect was not significant. For peer influence (peer pressure and peer popularity) on the liberal attitude towards sexual behaviour through the locus of control moderator showed a significant interaction effect.

The findings also proved the current trend that teenagers are easily influenced by their peers through the aspects of peer popularity and peer pressure. This shows that the social status factor should be given serious attention and be taken into consideration in the development of intervention programs to prevent and avoid the phenomenon of teenage pregnancies outside marriage from becoming widespread. In addition, family therapy can also be used for crisis intervention as well as a skilled approach towards the solving of problems between teenagers and parents. This study recommends the enhancement of sexual and reproductive health programs and intervention programs that are preventive, protective, rehabilitative and integrative, targeting those factors that shape the conservative attitude towards sexual behaviour among teenagers in Malaysia. Thus, this study provides direct input to national policies, thereby contributing to the corpus of knowledge and social advocacy for the formulation of national policies for the welfare of the people, especially those in the teenage category.

## **PENGHARGAAN**

### **Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, serta ahli keluargadan para sahabat Baginda. Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianyatesis ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mariani Mansor selaku penyelia pertama, jua kepada Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiah Hamsan dan Dr. Zainal Madon dan selaku penyelia kedua, atas segala bimbingan, inspirasi, motivasi, pandangan dan tunjuk ajar yang amat bernilai sehingga tesis ini dapat dihasilkan. Terima kasih jua dititipkan buat barisan pemeriksa tesis ini dalam memberi ruang dan peluang dalam menghasilkan penulisan yang lebih kritis dan padat.

Penghargaan dan rasa syukur jua dilimpahkan kepada Allah SWT Tuhan Sekian Alam atas anugerah suami yang tercinta; Ridzwan Rashidin serta anak yang menjadi penyejuk mata; Raihanna Darwisya dan Rania Darwisya. Jutaan terima kasih atas doa dan kasih sayang daripada emak Ramlah Mohammad, apak Shahruddin Lahit, jua kepada mama Rohaya Hassan dan abah Rashidin Hussein; sesungguhnya doa kalian amat diperlukan sepanjang tempoh pengajian ini. Kepada semua ahli keluarga, terima kasih atas kasih sayang dan titipan doa yang diberikan jua. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang amat dikasihi iaitu Hani, Kak Gee, Asbah, Kak Masitah, Liza, Kak Ani dan juga Amin, sesungguhnya nilai persahabatan amat bermakna buat diri ini.

Penghargaan dan terima kasih jua diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas kepercayaan dan peluang untuk Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) ini. Jua tidak dilupakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Bimbingan Remaja dan Puteri Raudatus Sakinah yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini di institusi-institusi tersebut.

Hanya kepada Allah saya kembalikan untuk membala segala jasa baik kalian semua. Ya Allah, kurniakanlah kebaikan atas kajian ini, dan bantulah kami menjadi khilifah yang baik di muka bumi ini. Amin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mariani binti Mansor, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Hanina Halimatusaadiah binti Hamsan, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Zainal bin Madon, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Date :

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik.: Nor Jum'awaton Binti Shahruddin GS30186

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Profesor Madya  
Dr. Mariani binti Mansor

Tandatangan:

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Profesor Madya  
Dr. Hanina Halimatusaadiah binti Hamsan

Tandatangan:

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Dr. Zainal bin Madon

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Perkembangan Remaja Menurut Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1963)	14
1.9 Latar Belakang Teoretikal Kajian	16
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.11 Definisi Istilah	27
1.12 Limitasi Kajian	31
1.13 Rumusan	31
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	33
2.1 Pengenalan	33
2.2 Remaja Hamil Luar Nikah	33
2.3 Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	38
2.4 Teori Kongnitif Sosial (Bandura, 1977)	41
2.4.1 Teori Ekologikal (Bronfrenner, 1989)	41
2.5 Pembelahan Demografi Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	44
2.5.1 Umur Dan Sikap terhadap tingkah laku seksual	44
2.5.2 Tahap Akademik Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	45
2.5.3 Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	47
2.6 Perapatan Ibu Bapa-Anak	47

2.6.1	Komunikasi, Kepercayaan, Pengasingan DanSikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	47
2.7	Pengaruh Rakan Sebaya	52
2.7.1	Tekanan Rakan Sebaya Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	52
2.7.2	Populariti Rakan Sebaya DanSikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	54
2.8	Estim Diri dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	57
2.9	Lokus Kawalan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	61
2.10	Implikasi Kajian Literatur Ke Atas Kajian	63
2.11	Rumusan	64
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	65
3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Tempat Kajian	66
3.4	Populasi Kajian	66
3.5	Prosedur Pensampelan	67
3.6	Penentuan Saiz Sampel	70
3.7	<i>Inclusion Criteria</i>	70
3.8	<i>Exclusion Criteria Kajian</i>	71
3.9	Sampel Kajian	71
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	72
3.11	Etika Kajian	74
3.12	Instrumen Kajian	74
3.13	Penterjemahan Soal Selidik	78
3.14	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	79
3.15	Kajian Rintis	80
3.16	Pengumpulan Data dan Analisis Kajian	81
3.16.1	<i>Exploratory Data Analysis (EDA)</i>	82
3.16.2	Analisis Inferensi	83
3.17	Rumusan	88
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	89
4.1	4.1 Pengenalan	89
4.2	Hasil Analisis Deskriptif	89
4.3	Latar Belakang Remaja Hamil Luar Nikah	89
4.4	Latar Belakang Ibu Bapa	92
4.5	Tahap Perapatan Ibu Bapa-anak, Pengaruh Rakan Sebaya, Lokus Kawalan, Estim Diri danSikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	93
4.6	Analisis Inferensi	97
4.6.1	Perkaitan Antara Faktor Umur, Tahun Pendidikan Responden, Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	97
4.6.2	Perkaitan Antara Perapatan Ibu Bapa-anak, Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri, Lokus Kawalan dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	99

4.6.3	Prediktor UnikSikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	105
4.6.4	Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Hubungan Antara Perapatan Ibu Bapa-Anak dan Pengaruh Rakan SebayaKe Atas Sikap terhadap tingkah laku seksual	108
4.6.5	Kesan Penyederhana (Moderator) Lokus Kawalan Ke Atas Hubungan Antara Perapatan Ibu Bapa-anak (Komunikasi, Kepercayaan dan Pengasingan) dan Pengaruh Rakan Sebaya (Tekanan Rakan Sebaya dan Populariti Rakan Sebaya) Ke Atas Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	114
4.7	Rumusan	122
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>124</b>
5.1	Pendahuluan	124
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	124
5.2.1	Objektif 1: Memerihalkan latar belakang remaja hamil luar nikah.	124
5.2.2	Objektif 2: Mengenal pasti tahap sikap terhadap tingkah laku seksual, tahapperapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), tahap pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), tahap estim diri dan lokus kawalan kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.	125
5.2.3	Objektif 3: Memerihalkan perkaitan antara profil latar belakang demografi responden (umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa) dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.	125
5.2.4	Objektif 4: Mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.	125
5.2.5	Objektif 5: Mengenal pasti prediktor unik sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.	126
5.2.6	Objektif 6: Mengenal pasti kesan pengantara estim diri ke atas perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.	126

5.2.7	Objektif 7: Mengenal pasti kesan penyederhana lokus kawalan ke atas perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung.	126
5.3	Kesimpulan	127
5.4	Implikasi Kajian	128
5.4.1	Implikasi Teoritikal	128
5.4.2	Implikasi Praktikal	128
5.5	Cadangan Kajian	130
5.5.1	Cadangan Kepada Pihak Kerajaan	130
5.5.2	Cadangan Kepada Keluarga	131
5.5.3	Cadangan Kepada Pegawai Psikologi	131
5.5.4	Cadangan Kepada Anggota Masyarakat	132
5.6	Limitasi Kajian	132
5.7	Cadangan Kajian Akan Datang	132
	<b>RUJUKAN</b>	134
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	207
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	208

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Bilangan Populasi Kajian	67
3.2 Peratusan Sampel Daripada Populasi	71
3.3 Penentuan Saiz Sub-Sampel	72
3.4 Nilai Ketekalan Dalamam	80
3.5 Ringkasan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	80
3.6 Kepenongan dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kajian	82
3.7 Keputusan Ujian Multikolineariti	83
4.1 Latar Belakang Responden	90
4.2 Taburan Latar Belakang Ibu Bapa	92
4.3 Tahap Perapatan Ibu Bapa-anak, Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri, Lokus Kawalan dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	94
4.4 Perkaitan Antara Faktor Umur, Tahun Pendidikan Responden, Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	97
4.5 Perkaitan Antara Perapatan Ibu Bapa-anak dan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri Lokus Kawalan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	100
4.6 Analisis Regresi Berganda Bagi Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	106
4.7 Rumusan Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Komunikasi Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	115
4.8 Hasil Analisis Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Komunikasi Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	115
4.9 Rumusan Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Kepercayaan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	116
4.10 Hasil Analisis Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Kepercayaan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	116

4.11	Rumusan Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Pengasingan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	117
4.12	Hasil Analisis Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Pengasingan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	117
4.13	Rumusan Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Tekanan Rakan Sebaya Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	118
4.14	Hasil Analisis Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Tekanan Rakan Sebaya Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	119
4.15	Rumusan Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Populariti Rakan Sebaya Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	121
4.16	Hasil Analisis Model Penyederhana Lokus Kawalan Ke Atas Populariti Rakan Sebaya Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	121

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Teori Kognitif Sosial	18
1.2 Kerangka Teoretikal Kajian	21
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	26
3.1 Prosedur Pensampelan Kajian	69
3.2 Proses Pengumpulan Data	74
3.3 Model Pengantara	86
3.4 Model Tanpa Pengantara	87
3.5 Model Penyerdehana	87
4.1 Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Komunikasi dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	109
4.2 Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Kepercayaan dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	110
4.3 Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Pengasingan dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	111
4.4 Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Tekanan Rakan sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	112
4.5 Kesan Pengantara Estim Diri Ke Atas Populariti Rakan sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	113
4.6 Kesan Penyerdehana Lokus Kawalan Ke Atas Komunikasi dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	114
4.7 Kesan Penyerdehana Lokus Kawalan Ke Atas Kepercayaan dan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual	115
4.8 Kesan Penyerdehana Lokus Kawalan Ke Atas Pengasingan dan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual	116
4.9 Kesan Penyerdehana Lokus Kawalan Ke Atas Tekanan Rakan sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	118

4.10	Kesan Interaksi Tekanan Rakan Sebaya Dan Lokus Kawalan	120
4.11	Kesan Penyerdehana Lokus Kawalan Ke Atas Populariti Rakan sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual	120
4.12	Kesan Interaksi Populariti Rakan Sebaya Dan Lokus Kawalan	122



## SENARAI SINGKATAN

WHO	<i>World Health Organization</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
PDRM	Polis Diraja Malaysia
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JAKIM	Jabatan Agama Islam
IPPA	Inventori Perapatan Ibu Bapa-anak
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

*World Health Organization*(WHO, 2006) mendefinisikan remaja sebagai individu yang berhadapan dengan perkembangan seks dan perubahan hormon yang sangat aktif. Perubahan fisiologi ini seterusnya mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksual seperti mencari pasangan seks, mencari persetujuan daripada pasangan, membentuk hubungan intim, menunjukkan nafsu serta diakhiri dengan fenomena bersekedudukan (Hendrick, Hendrick, & Reich, 2006).

Sejak 4 dekad yang lalu, dapatan kajian di Barat menunjukkan sikap terhadap tingkah laku seksual dipengaruhi oleh faktor sosio ekonomi keluarga yang rendah, tahap pendidikan yang rendah, penceraian ibu bapa, bilangan adik beradik yang ramai, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah (Edward, 1979), perapatan ibu bapa-anak yang renggang(Jaccard, Dittus, & Gordon, 2000), pengaruh rakan sebaya (Dicine, Com & Ity, 2010; Furman, Simon, Shaffer, & Bouchey, 2002) serta faktor dalaman seperti estim diri dan lokus kawalan (Waggoner, Lanzi, & Klerman, 2012; & Eggleston, Jackson & Hardee, 1999).

Sementara itu, kajian berkenaan sikap terhadap tingkah laku seksual di Malaysia perlu dilihat berdasarkan faktor demografi, faktor hubungan dengan ibu bapa, faktor pengaruh rakan sebaya serta faktor diri sendiri dalam aspek estim diri dan lokus kawalan(Norramazonizni & Hanina, 2016; Maryam, Hanina, Haslinda, Asnarulkhadi & Amna, 2014; Mahirah & Balan Rathakrishnan, 2014; Fatimah, Khaidzir & Suraiyah, 2013; Siti Marhamah, Khaidzir, Hanina & Zaki 2012; dan Siti Nor, Wong Fui-Ping, Rozumah, Mariani, Rumaya & Mansor, 2010).Hasil kajian-kajian lepas membuktikan tingkah laku seksual bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial seperti hubungan dengan ibu bapa-anak dan pengaruh rakan sebaya, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor kognitif serta faktor dalaman diri seperti estim diri dan lokus kawalan.Faktor-faktor ini mempunyai perkaitan dan saling mempengaruhi dalam sistem persekitaran dan perkembangan tingkah laku remaja. Ini membuktikan peranan remaja serta individu-individu seperti ibu bapa dan rakan sebaya merupakan agen sosialisasi serta model yang berupaya mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual seterusnya membawa remaja terjerumus ke dalam fenomena hamil luar nikah.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Walaupun pelbagai dasar serta program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, fenomena remaja hamil luar nikah dilihat terus berlanjutan di Malaysia sehingga ke hari ini. Isu remaja hamil luar nikah mendapat liputan meluas di media massa seakan memberi tamparan hebat kepada pembangunan Malaysia khasnya dalam aspek pembangunan sosial. Ini mewujudkan persepsi kepada segelintir masyarakat bahawa generasi muda hanyalah liabiliti berbanding aset kepada negara. Ini adalah kerana, beberapa faktor luaran serta dalaman remaja seperti kelemahan sistem kekeluargaan dari aspek perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya serta daya tahan yang lemah tidak diambil kira oleh masyarakat.

Berdasarkan Survei Kesihatan Pelajar Sekolah Global (GSHS) Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tahun 2012, 50.4% remaja mengaku melakukan hubungan seksual seawal usia 14 tahun berdasarkan sikap yang dipegang oleh remaja berhubung tingkah laku seksual. Manakala berdasarkan statistik remaja hamil berumur 10 hingga 19 mengikut negeri pada tahun 2012 hingga 2015 (**Lampiran 1**) oleh Bahagian Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan remaja hamil pada tahun 2012 adalah seramai 18,847 orang, diikuti 17,588 orang pada tahun 2013, 16,528 orang pada tahun 2014 manakala pada tahun 2015 pula statistik remaja hamil adalah seramai 13,831 orang. Manakala pecahan mengikut negeri pula menunjukkan negeri Selangor mencatatkan angka remaja hamil paling tinggi bagi negeri di Semenanjung Malaysia, manakala Sabah pula mencatatkan jumlah remaja hamil tertinggi berbanding Sarawak.

Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan pada tahun 2011 hingga 2014 berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, Seksyen 41 (2) (d), jumlah remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di Taman Seri Puteri Cheras, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Taman Seri Puteri Sarawak dan Taman Seri Puteri Sabah bagi tahun 2011 adalah seramai 204 orang, pada tahun 2012 dicatatkan sebanyak 172 orang, diikuti pada tahun 2013 seramai 197 orang manakala pada tahun 2014 adalah seramai 208 orang.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, antara faktor yang mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja adalah faktor perapatan dengan ibu bapa-anak (Jaccard et al., 2000), pengaruh rakan sebaya (Dicineet al., 2010), serta pengaruh diri sendiri seperti estim diri dan lokus kawalan (Waggoner et al., 2012).

Sikap bermaksud penilaian umum sama ada secara positif atau negatif terhadap sesuatu objek. Sikap adalah merupakan gabungan antara kepercayaan, perasaan dan kecenderungan untuk bertingkah laku yang secara relatifnya ke arah sesuatu objek. Secord dan Backman (1964) mendefinisikan sikap adalah merupakan bentuk susunan perasaan, pemikiran dan keinginan untuk bertindak balas terhadap objek psikologi. Objek sikap merangkumi penilaian meliputi dimensi baik, buruk, positif

atau negatif serta penilaian dalam membuat keputusan dan seterusnya membentuk sikap. Dalam kajian ini manifestasi sikap adalah tanggapan remaja hamil luar nikah sama ada terhadap hubungan seks sebelum berkahwin. Pengkaji akan melihat dua bentuk sikap subjek terhadap hubungan seks sebelum berkahwin iaitu sikap liberal atau sikap konservatif. Sikap liberal bermaksud subjek yang mempunyai pandangan positif dan dapat menerima tingkah laku seksual sebelum berkahwin. Manakala sikap konservatif pula merujuk kepada pandangan negatif dan tidak dapat menerima tingkah laku seksual sebelum kahwin.

Memetik laporan Kajian Seksual dan Reprodnktif Warga Muda Malaysia oleh *Perspective Strategies* dengan sokongan Durex Malaysia pada tahun 2016, 25% daripada 1,071 remaja menyatakan perlindungan tidak diperlukan ketika melakukan hubungan seksual berdasarkan sikap saling percaya antara pasangan seks. Kajian ini juga membuktikan 35% responden tidak percaya bahawa hubungan seksual kali pertama boleh menyebabkan wanita hamil (*Perspective Strategies*, 2016).

Laporan statistik oleh Jabatan Pendaftaran Negara (2016) pula menunjukkan bilangan anak tak sah taraf bagi tahun 2013 hingga 2015 yang didaftarkan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 159,725 iaitu seramai 53,492 bagi tahun 2013, 54,614 tahun 2014 dan 51,169 bagi tahun 2015. Statistik pembuangan bayi dan janin bagi tahun 2005 hingga 2009 yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 407 kes pembuangan bayi dan janin. Negeri Selangor mencatatkan jumlah pembuangan bayi dan janin yang tertinggi iaitu 105 kes, diikuti oleh negeri Johor iaitu 83 kes dan negeri Sabah 65 kes. Selain itu trend masa kini menunjukkan semakin ramai remaja di Malaysia yang berumur 12 hingga 18 tahun hamil luar nikah dan statistik di hospital tempatan menunjukkan sekurang-kurangnya satu kes kelahiran bayi luar nikah setiap hari (Soon, 2012).

Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan pada tahun 2011 hingga 2014 berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, Seksyen 41 (2) (d), jumlah remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di Taman Seri Puteri Cheras, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Taman Seri Puteri Sarawak dan Taman Seri Puteri Sabah bagi tahun 2011 adalah seramai 204 orang, pada tahun 2012 dicatatkan sebanyak 172 orang, diikuti pada tahun 2013 seramai 197 orang manakala pada tahun 2014 adalah seramai 208 orang.

Berikutan daripada fenomena tingkah laku seksual dalam kalangan remaja begitu membimbangkan, Kerajaan melalui KKM melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2015 hingga 2020. Terdapat lima fokus utama dalam pelan ini dan dua di antaranya melibatkan fenomena tingkah seksual iaitu a) Kesihatan seksual dan reproduktif dan b) Tingkah laku berisiko termasuk tingkah laku seksual. Sehubungan itu, ia secara signifikan menjadikan fenomena tingkah laku seksual bukannya sesuatu isu yang ‘one off’, tapi sebaliknya berterusan dan berulangan diperkatakan.

Selain itu KKM melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melancarkan Program Generasiku Sayang Peringkat Kebangsaan Tahun 2015. Buku Garis Panduan Pusat Jagaan Generasiku Sayang dilancarkan sebagai panduan untuk menyediakan perkhidmatan menyeluruh khasnya dalam aspek kesihatan dan pendidikan kepada remaja hamil luar nikah dan bayi. Antara pusat yang telah dibangunkan adalah Pusat Jagaan Generasiku Sayang di Kelantan.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Seksual iaitu Program PEKERTI di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan 2009. Program PEKERTI dilaksanakan pada tahun 2011 terdiri daripada program PEKERTI@PLKN (Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), PEKERTI@Sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pengajaran Pendidikan Kesihatan di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, PEKERTI@IPGM (Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, serta PEKERTI@KOMUNITI yang berfokus kepada penghuni institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Selain itu akhbar-akhbar tempatan juga terus-menerus melaporkan fenomena remaja hamil luar nikah di Malaysia. Pendedahan yang dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan menunjukkan fenomena tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah seakan-akan menjadi barah yang berupaya mencacatkan salah satu teras dalam Wawasan 2020 iaitu dalam memastikan masyarakat Malaysia khususnya remaja mempunyai peribadi dan nilai-nilai kerohanian yang tinggi.

Antara tahun 2015 dan 2016 sahaja akhbar-akhbar tempatan memaparkan pelbagai isu melibatkan fenomena remaja hamil luar nikah. *The Star* bertarikh 29 Oktober 2015 memetik kenyataan oleh Menteri Kesihatan Y.B. Datuk Seri Dr. Subramaniam, terdapat 50 kes remaja hamil luar nikah yang direkodkan oleh klinik-klinik kesihatan di seluruh Malaysia dalam tempoh sehari. Keratan-keratan akhbar di atas memaparkan bahawa fenomena remaja hamil luar nikah merupakan isu yang tidak pernah berkesudahan dan memerlukan perhatian dan kajian mendalam berkenaan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual sehingga membawa remaja ke kancang risiko hamil luar nikah.

Sehubungan itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini turut mengkaji perkaitan antara faktor demografi iaitu umur, tahap pendidikan, serta tahap pendidikan ibu bapa dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Kajian ini juga memasukkan faktor pengantara (*mediator*) iaitu estim diri serta faktor penyederhana lokus kawalan (*moderator*) kerana berpegang kepada Teori kognitif sosial (Bandura, 1977).

Teori kognitifsozial menyatakan tingkah laku manusia dimotivasikan serta dikawal oleh latihan berterusan pengaruh diri. Melalui teori ini, manusia dikatakan bertindak terhadap pengaruh luar seperti perapatan ibu bapa dengan anak dan pengaruh rakan sebaya melalui kaedah pembelajaran serta pemerhatian seterusnya mempengaruhi proses kognitif dengan membuat pemilihan, menyusun dan memindahkan stimulus pengalaman yang seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku (Bandura, 1991). Faktor-faktor kognitif seperti estim diri berfungsi sebagai pboleh ubah pengantara (Kerpelman, McElwain, Pittman & Adler-Baeder, 2016) dan lokus kawalan berinteraksi sebagai pboleh ubah penyederhana (moderator) seperti yang dicadangkan oleh Meldrum, Miller, dan Flexon (2013) yang pada akhirnya mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksualindividu.

Walaupun pelbagai dasar serta program telah dijalankan oleh Kerajaan, statistik remaja hamil luar nikah dan kes pembuangan bayi terus menerus- menerus berlaku di Malaysia dan dilihat tidak pernah berkesudahan. Fenomena ini merupakan kesan daripada perhubungan seks bebas yang semakin bermaharajalela dalam kalangan remaja serta dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja (Rosnah, 2016). Menyalahkan generasi muda tanpa merawat punca permasalahan bukanlah satu tindakan yang adil. Kelemahan sedia ada perlu diatasi melalui komitmen semua pihak agar fenomena tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah dalam kalangan remaja di Malaysia dapat dibendung dan dibanteras. Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah adalah penting dalam merangka program serta pelan intervensi di masa hadapan.

### 1.3 Penyataan Masalah

Pergaulan sosial yang bebas dan hubungan seks tanpa nikah semakin menular dikalangan masyarakat Malaysia adalahmerupakan pengaruh daripada penularan gaya hidup Barat yang kini menjadi ikutan dan kebanggaan generasi muda alaf baru. Pengaruh budaya Barat ini atau dikenali sebagai budaya hedonisme telah dikenal pasti sebagai agen penghakis amalan tradisi yang merupakan ‘pantang larang’ adat Melayu suatu ketika dahulu (Norramazonizni et al., 2016). Melalui media hiburan yang dibawa dari Barat, generasi muda didedahkan dengan tontotonan bahan-bahan lucu, gaya pemakaian yang mencolok mata dan pergaulan bebas dalam kalangan remaja. Pergaulan bebas dalam kalangan remaja membawa kepada kecenderungan remaja untuk terjerumus ke fenomena huhungan seks bebas tanpa nikah.

Pada abad ke 21 ini, pendedahan demi pendedahan mengenai statistik remaja hamil luar nikah dilaporkan di akhbar-akhbar serta media tempatan. Statistik bagi 10 tahun kebelakangan ini menunjukkan remaja terlibat dengan tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah serta statistik pembuangan janin dan bayi mendapat liputan meluas oleh akhbar-akhbar tempatan. Walaupun pelbagai dasar serta program yang telah dijalankan oleh kerajaan bagi membanteras fenomena remaja hamil luar nikah, akan tetapi itu ini dilihat terus menerus berlaku di Malaysia. Dengan perubahan

hormon dan dunia yang serba kompleks, remaja mula merasakan tidak ada sesiapa yang dapat memahami perasaan mereka mendedahkan mereka kepada pelbagai pengaruh dan gaya hidup. Pengaruh yang negatif ini tidak terhad kepada sikap peribadi sahaja, malah melibatkan aktiviti-aktiviti seksual yang tidak sihat seperti seks luar nikah, homoseksual dan sebagainya. Sesungguhnya kita tidak mahu fenomena ini terus menerus berleluasa di Malaysia dan sekiranya tidak dibendung akan menimbulkan kesan serius terhadap pembangunan sebuah negara bangsa yang mempunyai nilai-nilai murni di masa hadapan. Melalui dapatan kajian oleh Harlina (2015) membuktikan remaja khususnya bangsa Melayu terlibat dengan tingkah laku seksual hasil daripada sikap liberal yang dipegang.

Sehubungan itu, kajian berhubungsikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan populasi remaja hamil luar nikah di Malaysia adalah penting untuk dijalankan dan diukur bagi memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan serta penanaman sikap terhadap tingkah seksual dalam konteks pandangan remaja hamil luar nikah. Faktor luaran seperti perapatan ibu bapa-anak dan pengaruh rakan dan faktor dalaman seperti estim diri dan lokus kawalan diri merupakan antara faktor yang mendorong pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual (Epstein, Bailey, Manhart, Hill, & Hawkins, 2014).

Biarpun terdapat kajian yang dijalankan berkaitan sikap terhadap tingkah laku seksual di Malaysia, namun kajian-kajian lepas menggunakan responden yang terdiri daripada remaja di sekolah ataupun di universiti tetapi tidak difokuskan kepada remaja hamil luar nikah sendiri (Paranjothi Yanok, 2016; Azriani, Razlina, Shaiful Bahari, Mohd Ismail, Siti Hawa, Halim Salleh, & Wan Abdul Manan, 2015; Mahirah & Balan, 2014). Oleh yang demikian penekanan diberi dalam kajian ini terhadap remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di institusi perlindungan dan pemulihan Kerajaan di Taman Seri Puteri dan bukan Kerajaan (NGO) di Raudatus Sakinah kerana dipilih sebagai subjek kajian. Menurut Basen-Engquist dan Parcel (1992), subjek kajian yang telah berpengalaman secara seksual sehingga hamil, mempunyai sikap terhadap tingkah laku seksual yang lebih jelas.

Selain itu adalah didapati terdapat kajian tempatan oleh Subhi, Bakar, Ahmad, Hoesni, Ibrahim, dan Mohamad, (2012) tertumpu terhadap hubungan seksual dalam kalangan remaja tetapi tidak mengkaji akan aspek sikap terhadap tingkah laku seksual. Kajian oleh Siti Hajar et al., (2015) pula hanya mengkaji kesan faktor gaya keibubapan terhadap penglibatan remaja dalam salah laku seks yang kemudiannya menyumbang kepada kehamilan luar nikah. Walau bagaimanapun kajian ini menekankan faktor gaya keibubapaan tetapi tidak memfokuskan kepada peranan perapatan ibu bapa anak dalam mempengaruhi tingkah laku seksual. Melalui kajian-kajian di atas adalah didapati pengkaji yang lepas lebih memfokuskan kepada isu dan masalah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah tanpa mengkaji secara mendalam faktor pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual melalui perkaitannya dalam aspek perapatan ibu bapa-anak. Sehubungan itu dalam kajian ini faktor perapatan ibu bapa-anak melalui dimensi kepercayaan, komunikasi dan pengasingan akan diberi fokus untuk dikaji secara mendalam berhubung dengan

pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Selain itu, kajian lepas juga mendapati kumpulan rakan sebaya memberi pengaruh yang sangat kuat terhadap aktiviti sosial remaja dalam aspek tekanan serta populariti rakan sebaya. Kajian oleh Dicine et al., (2010) mendapati tekanan rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tingkah laku seksual khasnya apabila remaja menerima dan meniru tingkah laku tersebut sebagai tanda setia terhadap kelompok rakan sebaya. Kebanyakan tingkah laku negatif seperti merokok, pergaulan bebas, dadah dan sebagainya adalah hasil daripada meraih populariti daripada rakan sebaya (De Bruyn, Cillessen, & Weisfeld (2012). Walau bagaimanapun masih belum diketahui terdapat pengkaji tempatan yang mengkaji pengaruh rakan sebaya melalui dimensi tekanan rakan sebaya dan populariti dalam mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini akan menekankan kedua-dua faktor iaitu tekanan dan populariti rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Namun bukan sahaja faktor luaran yang mempunyai perkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual, faktor dalaman juga mampu menyumbang terhadap pembentukan tingkah laku seksual.Kajian oleh Boden dan Horwood (2006) mendapati estim diri yang tinggi berupaya mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja.Kajian tempatan oleh Zarinah, Rozumah, Rumaya & Rojanah Kahar (2002) mendapati estim diri yang rendah mempengaruhi tingkah laku berisiko seperti penagihan dadah, gangsterisme dan tingkah laku merempit dalam kalangan keluarga berisiko di luar bandar, tetapi kajian ini tidak memfokuskan subjek kajian terhadap remaja hamil luar nikah. Sehubungan itu dalam kajian ini pengkaji memasukkan estim diri sebagai faktor pengantara (*mediator*) kajian.

Selain itu dapatan kajian oleh Meldrum et al., (2013) menunjukkan lokus kawalan luaran yang tinggi mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja yang menerima tekanan rakan sebaya yang tinggi. Menurut Rotter, (1966) lokus kawalan merujuk kepada persepsi seseorang individu terhadap sebab dan penyebab kepada peristiwa yang berlaku dalam diri individu. Daripada pembacaan penyelidik, tidak diketahui sehingga kini terdapat mana-mana pengkaji tempatan yang memasukkan lokus kawalan sebagai penyederhana (moderator) kajian dalam mengkaji sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Faktor estim diri dan lokus kawalan diri berinteraksi serta berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantara (*mediator*) dan pemboleh ubah penyederhana (moderator) seperti yang dicadangkan oleh Flay, Snyder dan Petraitis (2009) dan berpegang kepada teori sosial kognitif (Bandura, 1977).

Akhirnya, melalui kajian lepas membuktikan faktor demografi juga dikatakan menyumbang terhadap pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual remaja. Kajian di Barat menunjukkan remaja hamil luar nikah adalah dipengaruhi oleh faktor sosio ekonomi yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, struktur keluarga yang tidak stabil (penceraian), saiz keluarga yang besar, serta taraf pendidikan ibu bapa yang rendah (Edward et al., 1979). Kajian oleh Pakianathan (2016) dalam mengkaji tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar di sekolah menengah dilihat tidak memfokuskan terhadap remaja hamil luar nikah sebagai responden kajian. Selain itu kajian oleh Siti Marhamah et al., (2012) dalam mengkaji faktor risiko dan pelindung terhadap tingkah laku seksual pula mengambil pelajar institusi pengajian tinggi sebagai responden kajian. Daripada kajian-kajian lepas seperti yang telah diupaskan seperti di atas adalah didapati kebanyakan pengkaji di Malaysia cenderung menggunakan responden yang terdiri daripada remaja di sekolah ataupun di Universiti tetapi tidak difokuskan kepada remaja hamil luar nikah sendiri. Sehubungan itu fokus kajian ini adalah untuk mengukur tahap demografi remaja hamil luar nikah dengan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual.

Secara keseluruhannya, berdasarkanuraian seperti di atas fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini penting untuk dijalankan dalam mengisi kelompongan dan kekurangan yang dikenal pasti melalui dapatan-dapatan kajian lalu menyebabkan permasalahan ini diberikan tumpuan. Ini berikutan perapatan ibu bapa-anak dalam aspek kepercayaan, komunikasi dan pengasingan serta pengaruh rakan sebaya dalam aspek tekanan dan populariti rakan sebaya dilihat mampu menjadi peramalan kepada sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah (Fauwaz Hasbullah, 2016). Oleh yang demikian, perbincangan mengenai masalah dalam kajian ini tidak hanya akan dibahaskan secara serpihan, malah isu tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia akan diketengahkan sebagai isu penting berserta beberapa solusi yang perlu diberi perhatian khasnya dalam aspek perapatan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya juga melalui aspek diri sendiri yang akan dibahaskan melalui perspektif psikologi perkembangan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian yang ingin dijawab menerusi kajian ini ialah:-

1. Apakah latar belakang remaja hamil luar nikah?
2. Apakah tahap sikap terhadap tingkah laku seksual, tahap perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), tahap pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), tahap estim diri dan tahap lokus kawalan dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?

3. Sejauh manakah wujud perkaitan antara faktor umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?
4. Sejauh manakah wujud perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?
5. Apakah prediktor unik yang meramal sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?
6. Adakah terdapat kesan pengantara (mediator) estim diri ke atas perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?
7. Adakah terdapat kesan penyederhana (moderator) lokus kawalan ke atas perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia?

## 1.5 Objektif Kajian

Secara amnya, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Memerihalkan latar belakang remaja hamil luar nikah.
2. Mengenal pasti tahap sikap terhadap tingkah laku seksual, tahap perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), tahap pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), tahap estim diri dan lokus kawalan dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
3. Memerihalkan perkaitan antara profil latar belakang demografi responden (umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa) dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
4. Mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

5. Mengenal pasti prediktor unik sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
6. Mengenal pasti kesan pengantara estim diri ke atas perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
7. Mengenal pasti kesan penyederhana lokus kawalan ke atas perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Bersandarkan objektif kajian, hipotesis berikut telah dibina. Hipotesis alternatif bagi objektif 3 adalah seperti berikut:-

- H<sub>a1</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara umur dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a2</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahun pendidikan responden dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a3</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a4</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pendidikan bapa dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Hipotesis bagi objektif 4 adalah seperti berikut:-

- H<sub>a5</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara kepercayaan dansikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a6</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara komunikasi dansikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a7</sub>: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengasingan dansikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>8: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara tekanan rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>9: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara populariti rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>10: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara estim diri dansikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>11: Terdapat perkaitan yang signifikan di antara lokus kawalan dansikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Hipotesis bagi objektif 5 adalah seperti berikut:-

- H<sub>a</sub>12: Beta koefisien bagi semua pemboleh ubah bebas dalam model regrasi (perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, lokus kawalan dan estim diri) adalah bukan sifar apabila disandarkan kepada sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Hipotesis bagi objektif 6 adalah seperti berikut:-

- H<sub>a</sub>13: Estim diri mengantara perkaitan antara komunikasi dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>14: Estim diri mengantara perkaitan antara kepercayaan dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>15: Estim diri mengantara perkaitan antara pengasingan dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>16: Estim diri mengantara perkaitan antara tekanan rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>17: Estim diri mengantara perkaitan antara populariti rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Hipotesis bagi objektif 7 adalah seperti berikut:-

- H<sub>a</sub>18: Lokus kawalan menyederhana perkaitan antara kepercayaan dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>19: Lokus kawalan menyederhana perkaitan antara komunikasi dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>20: Lokus kawalan menyederhana perkaitan antara pengasingan dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>21: Lokus kawalan menyederhana perkaitan antara tekanan rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>22: Lokus kawalan menyederhana perkaitan antara populariti rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Topik seksualiti merupakan salah satu subjek yang masih dianggap tabu di negara-negara Asia termasuk Malaysia (UNFPA, UNESCO & WHO, 2015). Ini berikutan nilai-nilai budaya tempatan serta ajaran agama yang tidak menggalakkan perbincangan mengenai topik seks secara terbuka (Siti Nor et al., 2010). Implikasinya, kebanyakan remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah sukar untuk mendedahkan sikap serta pengalaman seksual mereka. Oleh itu, pengalaman yang dikongsi oleh remaja hamil luar nikah dalam kajian ini akan dapat meningkatkan kefahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual. Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan tingkah laku seksual dijalankan, pengkaji lepas cenderung untuk mencadangkan kajian lanjutan untuk meningkatkan kesahihan keputusan kajian. Responden yang terdiri daripada pelajar sekolah mungkin berasa tidak selamat sekiranya pengalaman seksual mereka didedahkan kepada guru-guru dan rakan-rakan (Lee, Chen, Lee & Kaur 2006). Oleh yang demikian, kajian ini begitu penting dalam menyumbang kefahaman dengan lebih mendalam mengenai faktor-faktor mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Taman Seri Puteri dan Raudatus Sakinah di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, institusi perlindungan dan pemuliharan remaja hamil luar nikah dipilih kerana dipercayai maklumat berkaitan sikap terhadap tingkah laku adalah lebih tepat dan sahih. Kajian ini dianggap sebagai salah satu usaha dalam memenuhi tanggungjawab sosial dalam bentuk sokongan terhadap dasar serta usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dalam menangani fenomena remaja hamil luar nikah.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan dalam mengkaji fenomena hamil luar nikah di Malaysia, namun melalui tinjauan literatur yang dilakukan, adalah didapati kajian berkaitan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Malaysia masih belum dikaji secara mendalam. Selain itu sehingga kini masih belum diketahui mana-mana pengkaji tempatan yang mengkaji estim diri sebagai pemboleh ubah pengantara (mediator) dan lokus kawalan sebagai pemboleh ubah penyederhana (moderator) di antara perapatan ibu bapa-anak dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Melihat kepada perkembangan ini, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual agar pencegahan awal dapat dilakukan.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam literatur di Malaysia berkenaan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Secara tidak langsung melalui kajian ini nilai tambah terhadap penyelidikan berkenaan sikap terhadap tingkah laku seksual dapat dijalankan melalui kaedah kajian secara kuantitatif dan kualitatif yang jarang di aplikasi oleh penyelidik-penyalidik tempatan sebelum ini. Ini akan membantu dalam meningkatkan pengetahuan terkini dalam penulisan ilmiah berhubung masalah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Malaysia serta mengisi lompong literatur dengan menerangkan pengaruh perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual.

Penemuan ini akan akhirnya membantu remaja pada alaf ini untuk membentuk sikap terhadap tingkah laku seksual yang selamat melalui program-program intervensi yang boleh dilaksanakan oleh pihak Kerajaan maupun NGO. Menurut Harlina (2015) dengan menggalakkan remaja untuk membentuk sikap serta nilai yang positif ke arah tingkah laku seksual yang selamat akan membantu dalam membanteras fenomena remaja hamil luar nikah daripada terus berleluasa. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sikap remaja terhadap tingkah laku seksual berubah, secara tidak langsung akan mengubah faktor persekitaran dan tingkah laku seksual remaja. Selain itu dengan menekankan kepada pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual yang selamat dalam kalangan remaja masa kini, ia akan membantu untuk meningkatkan ketahanan diri serta membantu remaja untuk menahan diri daripada bertingkah laku seksual melalui program-program yang berbentuk pendidikan seksual serta melalui program keagamaan dan kerohanian Harlina (2015). Selain itu sikap terhadap tingkah laku seksual mampu diubah melalui program peningkatan pengetahuan mengenai penyakit kelamin (STI), HIV dan akibat negatif dari tingkah laku seksual yang membawa kepada risiko remaja untuk hamil di usia yang muda.

Dari aspek praktikal pula, hasil kajian ini dijangka dapat memberi faedah kepada ibu bapa dalam memahami dengan lebih terperinci berkaitan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja. Seperti yang diketahui, keluarga adalah merupakan faktor risiko dan faktor pelindung terhadap penyesuaian tingkah laku anak (Zarinah, et al., 2002). Melalui kempen serta intervensi keluarga,

teknik dan kemahiran keibubapaan dapat di perkasa dalam menangani penglibatan remaja dalam tingkah laku seksual. Bagi aspek rakan sebaya pula, remaja perlu dibekalkan kaedah pemilihan rakan sebaya yang lebih baik serta memperkasakan kembali program seperti pembimbing rakan sebaya di sekolah.

Maklumat daripada kajian ini seterusnya dapat membantu untuk mengukuhkan kurikulum pendidikan seks bagi remaja Malaysia untuk menjadi lebih berpengetahuan, berkeyakinan dan menghormati diri dan orang lain melalui acuan budaya dan agama masyarakat Malaysia. Pendidikan seksual yang berkesan boleh membantu remaja untuk meneroka sikap terhadao tingkah laku seksual tersendiri seterusnya meningkatkan kemahiran untuk membuat keputusan apabila berhadapan dengan isu-isu tingkah laku seksual seterusnya membantu remaja untuk menahan diri serta melambatkan kemunculan hubungan seksual (Rohany, Zainah, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad, Mohd. Norahim, & Aizan Sofia, 2016).

Seterusnya adalah diharapkan melalui daptan kajian ini kelak diharap dapat dimanfaatkan oleh pemberi perkhidmatan iaitu Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam (JAKIM), serta agensi-agensi yang berkaitan sama ada swasta, Kerajaan mahupun badan bukan Kerajaan (NGO) dalam mewujudkan program-program yang lebih baik dan kaedah yang lebih praktikal berhubung tingkah laku seksual serta kesihatan reproduktif yang berfokuskan kepada remaja di Malaysia. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat membantu pemberi perkhidmatan khasnya kepada Pegawai Psikologi, dalam mengenal pasti teknik dan pendekatan yang bersesuaian dalam membantu remaja dalam membentuk jati diri khasnya estim diri yang tinggi serta dapat mengaplikasikan lokus kawalan khasnya apabila berhadapan dengan situasi yang mencabar khususnya keputusan untuk bertingkah laku seksual.

## **1.8 Perkembangan Remaja Menurut Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1963)**

Teori yang dipelopori oleh Erik Erikson (1963) merupakan salah satu teori yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji dalam bidang psikologi perkembangan. Teori juga dikenali sebagai teori perkembangan psikososial menekankan kepada prinsip epigenetik di mana perkembangan berlaku dalam beberapa peringkat dan bersifat universal. Teori ini berpendapat ego beroperasi dengan sendiri tanpa dipengaruhi oleh emosi dan berupaya membantu individu menyesuaikan diri dengan cabaran daripada persekitaran. Ego juga menyediakan pandangan yang positif terhadap personaliti di mana ego membantu individu membuat sintesis khususnya apabila berhadapan dengan konflik dalaman dan konflik daripada orang di persekitaran individu tersebut berada. Sehubungan itu, melalui teori ini ego merupakan agen yang beroperasi untuk mempromosikan kesihatan yang berlaku sepanjang hayat individu (Azlina, 2002).

Menurut teori perkembangan psikososial Erikson(1963), manusia adalah organisma yang aktif bertindak ke arah perkembangan dan bukannya hanya pasif dengan persekitaran sosial. Setiap peringkat dalam teori ini menyatakan bahawa setiap individu akan berhadapan dengan krisis psikososial di mana sekiranya konflik diselesaikan secara positif, ia akan membantu menguatkan ego atau sekiranya ia diselesaikan secara negatif akan melemahkan ego. Apabila manusia berhadapan dengan krisis, pengalaman psikososial individu termasuk kebolehan dan kemahiran merupakan perkara yang mempengaruhi proses membuat keputusan. Erikson juga menggunakan istilah nilai(*virtue*)dalam menggambarkan kekuatan ego yang bermaksud kekuatan yang timbul melalui proses penyelesaian krisis. Oleh yang demikian prinsip utama teori ini adalah setiap perkembangan memberi peluang kepada individu untuk membina kekuatan yang unik atau “*virtue*”. Sehubungan itu, penyelesaian kepada krisis tidak diukur sebagai positif atau negatif, tetapi setiap konflik dalam diri individu mengandungi pengalaman yang positif atau negatif.

Menurut Erikson terdapat lapan peringkat perkembangan ego iaitu peringkat oral-sensori, peringkat muskular-anal, peringkat lokomotor-genital, peringkat *latency*, peringkat remaja, peringkat awal dewasa, peringkat pertengahan alam dewasa dan peringkat tua. Kajian ini akan menekankan kepada peringkat kelima merangkumi peringkat remaja yang berumur 14 hingga 19 tahun. Menurut Erikson, remaja yang berjaya berdepan dengan pelbagai krisis psikologikal di peringkat sebelumnya akan berkembang menjadi remaja yang mempunyai identiti. Identiti bermaksud keunikan yang diperoleh melalui pengalaman psikososial yang disepadukan oleh ego. Menurut Erikson (1968), remaja berhadapan dengan situasi kecenderungan identiti (identiti ego) merupakan krisis utama yang dihadapi oleh setiap remaja. Krisis identiti muncul akibat daripada kekeliruan peranan mengenai siapakah diri mereka dan bagaimanakah hidup mereka di masa hadapan. Sekiranya seseorang remaja berjaya menangani krisis tersebut dengan baik maka individu tersebut akan berupaya membentuk identiti diri dan personaliti yang berjaya. Sebaliknya, jika gagal menangani krisis tersebut, maka individu akan berhadapan dengan kecelaruan dan konflik identiti. Erikson menekankan kepentingan faktor sosial seperti perapatan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya serta faktor budaya seperti nilai dan kepercayaan mempengaruhi perkembangan manusia. Interaksi serta sosialisasi yang berlaku di sekeliling remaja paling banyak mempengaruhi perkembangan seseorang individu.

Menurut Erikson (1963), tingkah laku remaja dikategorikan sebagai *totalism* iaitu komitmen yang tidak matang kepada sesuatu ideologi dan cenderung untuk mengikutinya tanpa banyak soal untuk mengurangkan perasaan kekeliruan (Azlina, 2002). Sebagai contoh, remaja mudah menerima nilai-nilai yang dibawa oleh rakan sebaya yang dianggap popular di sekolah tanpa memikirkan tingkah laku tersebut adalah baik atau tidak. Selain itu teori ini menekankan bahawa ibu bapa, rakan-rakan serta orang-orang yang signifikan dengan remaja mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan identiti remaja. Remaja pada ketika ini berusaha untuk menyelesaikan krisis identiti mereka dengan menguji pelbagai peranan, nilai dan perhubungan. Perkembangan remaja menjadi sinonim dengan tugasan untuk membentuk dan memilih identiti kendiri yang unik. Jika remaja gagal dalam pembentukan identiti ini maka akan wujudlah kekeliruan dan kekecewaan

seterusnya mempengaruhi penglibatan remaja ke arah tingkah laku berisiko termasuk tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah (Rohany et al., 2015).

### 1.9 Latar Belakang Teoretikal Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, estim diri dan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Melalui latar belakang masalah, permasalahan kajian dan persoalan kajian, satu kerangka kerja teoritikal dibentuk dalam menjelaskan perkaitan antara pemboleh ubah yang diaplikasi dalam kajian ini. Kajian ini mengaplikasikan teori kognitif sosial (Bandura, 1977) (seperti Rajah 1.1) sebagai panduan dalam membina kerangka teoretikal kajian. Penggunaan teori ini adalah kerana ianya dilihat mampu menghuraikan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Teori kognitif sosial (Bandura, 1977) menyatakan tingkah laku manusia dimotivasiserta dikawal oleh latihan berterusan pengaruh diri. Melalui teori ini, manusia dikatakan bertindak terhadap pengaruh luar melalui pemilihan, menyusun, dan memindahkan stimulus pengalaman yang memberi kesan kepada seseorang individu (Bandura, 1991). Bandura menjelaskan hubungan yang wujud antara penentu personal dengan tingkah laku individu dipengaruhi oleh tanggapan dan tindakan individu sendiri. Menurut Bandura (1991) pemprosesan maklumat iaitu maklumat struktur tingkah laku dan persekitaran ditransformasikan kepada gambaran simbol dan digunakan sebagai pembimbing terhadap tindakan.

Di samping itu, Bandura (1991) menjelaskan bahawa kebanyakannya tingkah laku manusia dikawal oleh aspek kognitif. Manusia membentuk kepercayaan tentang sesuatu yang boleh dilakukan oleh seseorang individu melalui rangsangan daripada faktor eksternal seperti perapatan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya seterusnya mempengaruhi kognitif melalui proses memodifikasi struktur keyakinan seseorang individu. Seterusnya individu membuat jangkaan kemungkinan yang akan berlaku daripada sesuatu tindakan yang dilakukan, menyediakan matlamat untuk diri dan merancang tindakan yang menyebabkan hasil yang diingini. Sehubungan itu, teori kognitif sosial menjelaskan tingkah laku manusia adalah suatu proses dalam terma interaksi timbal balik yang berterusan antara kognitif, tingkah laku, dan persekitaran. Selain itu, Bandura (1991) juga menegaskan dalam sistem kawalan diri terdiri daripada mekanisme utama yang memberi kesan yang paling kuat terhadap pemikiran manusia, persepsi, motivasi, dan tindakan iaitu melalui mekanisme kognitif yang juga merujuk kepada kepercayaan diri individu yang berfungsi dalam bentuk *triadic reciprocal causation*. Ia bermaksud individu memilih persekitaran yang ingin didiaminya dan pada masa yang sama persekitaran akan mempengaruhi individu yang memilih persekitaran tersebut. Di samping itu tingkah laku juga dipengaruhi oleh faktor-faktor kognitif dan peribadi. Biasanya individu akan memilih untuk melakukan sesuatu tingkah laku sekiranya merasakan sesuatu tingkah laku itu dihargai dan mendapat pujian (Goddard, Hoy, & Hoy, 2004).

Walaupun Albert Bandura tidak menggunakan konsep yang wujud dalam teori ini dalam menerangkan sikap terhadap tingkah laku seksual secara langsung, namun Hogben dan Dyrne (1998) telah menghuraikan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual. Terdapat 6 aspek yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang dijelaskan dalam teori ini iaitu; 1) *reciprocal determinism*, 2) keupayaan untuk bertingkah laku, 3) ekspektasi, 4) efikasi kendiri, 5) pembelajaran melalui pemerhatian, dan 6) pengukuhan. Teori ini menyatakan seseorang individu belajar bagaimana untuk bertindak balas dalam situasi sosial dengan memberi perhatian kepada persekitaran.

Konsep *reciprocal determinism* dalam teori ini bermaksud interaksi dinamik di mana faktor persekitaran, faktor kognitif dan tingkah laku adalah merupakan proses yang mempengaruhi dan dipengaruhi antara satu sama lain. Seterusnya keupayaan untuk bertingkah laku bermaksud pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan tingkah laku seksual. Dapatkan kajian oleh Markham (2012) menunjukkan remaja yang dibekalkan dengan pengetahuan mengenai penyakit HIV/AIDS serta penyakit kelamin (STIs) mampu mengurangkan penglibatan remaja dalam tingkah laku seksual. Aspek ketiga pula adalah ekspektasi iaitu sejauh mana tingkah laku tersebut memberi hasil seperti yang dijangkakan oleh seseorang remaja. Sekiranya remaja menjangkakan bahawa tingkah laku seksual memberi manfaat kepadanya seperti meningkatkan estim diri maka tingkah laku tersebut akan dilaksanakan (Manz dan Sims, 1980).


Aspek yang keempat adalah efikasi kendiri yang didefinisikan sebagai keyakinan dan kepercayaan mengenai keupayaan diri untuk mengatur dan menghasilkan tingkah laku yang diperlukan. Bandura (1991) melihat efikasi diri sebagai satu elemen yang kompleks dan merangkumi jangkaan, keputusan, simbol, kesan fisiologi dan tingkah laku. Ekspektasi untuk bertingkah laku adalah merupakan salah satu pengaruh penting dalam teori di mana proses kognitif berperanan dalam mempengaruhi sikap dan membawa kepada perubahan tingkah laku. Efikasi diri terbahagi kepada iaitu jangkaan hasil (*outcome expectancies*) dan jangkaan efikasi diri (*self efficacy expectancies*). Jangkaan hasil bermaksud kepercayaan bahawa tingkah laku tertentu akan membawa kepada hasil tertentu dan jangkaan efikasi diri pula bermaksud kepercayaan untuk berjaya melakukan sesuatu tingkah laku yang diharapkannya (Maddux, 1995).

Jangkaan efikasi diri adalah merupakan jangkaan terpenting dalam pembentukan sesuatu tingkah laku kerana ia menentukan niat individu untuk melakukan sesuatu tingkah laku walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan. Justeru, jangkaan efikasi diri akan memberikan kesan terhadap kognitif yang berfungsi sebagai penentu penting terhadap kawalan diri manusia. Di samping itu, Bandura (1991) menjelaskan bahawa kebanyakan tingkah laku manusia dikawal oleh fikiran. Selain itu individu membuat jangkaan kemungkinan yang akan berlaku daripada sesuatu tindakan yang dilakukan, menyediakan matlamat untuk diri dan merancang tindakan yang menyebabkan hasil yang diingini (Becker, 2000). Tahap efikasi diri akan mempengaruhi tindakan remaja apabila mereka berhadapan dengan beberapa keadaan

seperti konflik interpersonal contohnya, perapatan yang renggang, perselisihan faham, percanggahan pendapat, perasaan terasing dengan ibu bapa, pengaruh daripada rakan sebaya serta mengalami tekanan sosial seperti desakan atau tekanan daripada persekitaran (Guerra, Gouveia, Sousa, Lima, & Freires, 2012). Individu yang mempunyai kemahiran dan strategi seperti mampu meninggalkan persekitaran yang mempengaruhi mereka ataupun strategi kognitif seperti estim diri yang tinggi adalah kurang berkemungkinan untuk terlibat dengan tingkah laku seksual. Walau bagaimanapun, kurangnya kemahiran dan strategi akan menyebabkan mereka berkecenderungan tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko tinggi termasuk tingkah laku seksual (Bandura 1977). Namun, ia bergantung pada kekuatan yang ada di dalam diri seseorang remaja sama ada berupaya menangani penglibatan dalam tingkah laku seksual atau sebaliknya. Jika remaja mampu mengawal pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual maka kebarangkalian kecenderungan untuk terlibat dengan tingkah laku seksual semakin rendah.

Seterusnya aspek yang kelima adalah pembelajaran melalui pemerhatian iaitu bermaksud individu mempelajari sesuatu tingkah laku melalui pengalaman orang lain. Teori ini menyatakan seseorang individu belajar bagaimana untuk bertindak balas dalam situasi sosial dengan memberi perhatian kepada persekitaran. Manakala aspek yang terakhir adalah pengukuhan yang ditakrifkan sebagai tindak balas individu yang akan meningkatkan atau mengurangkan pengulangan tingkah laku. Menurut Goddard et al., (2004) remaja mengamalkan tingkah laku seksual apabila mempunyai sikap yang liberal terhadap tingkah laku seksual. Sehubungan itu aspek pengukuhan adalah penting untuk meningkatkan motivasi remaja bagi melewatkkan tingkah laku seksual seterusnya membantu dalam mengurangkan fenomena remaja hamil luar nikah.

Berdasarkan rajah 1.1 teori sosial kognitif terdiri daripada 3 faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku iaitu faktor persekitaran, faktor kognitif dan tingkah laku.



Rajah 1.1 : Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1977)

Melalui teori ini faktor persekitaran melalui pengaruh daripada hubungan perapatan antara ibu bapa dengan anak, pengaruh rakan sebaya dan faktor demografi mempengaruhi tingkah laku seksual. Menurut Crossnoe, Erickson, dan Dornbusch (2002), remaja yang mempunyai hubungan positif dengan ibu bapa melalui gaya komunikasi yang mesra dapat menghalang penglibatan remaja daripada terpengaruh dengan rakan-rakan yang bertingkah laku seksual. Kajian yang dijalankan oleh Sapouna dan Wolke (2013) menunjukkan bahawa hubungan perapatan di antara remaja dengan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan emosi dan tingkah laku yang positif. Ini bermakna ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Nilai dan norma dalam masyarakat biasanya dipupuk oleh ibu bapa semasa proses sosialisasi sejak anak-anak masih kecil dilihat dapat mengelakkan anak daripada melakukan perkara yang melanggar nilai dan norma masyarakat. Menurut Flaherty dan Sadler (2010), hubungan yang positif antara ibu dan anak boleh meningkatkan perkembangan dan kebolehupayaan remaja dalam mengenali dunia luar daripada sudut emosi yang sihat. Perapatan yang selamat dan kukuh juga memberi kesan positif ke atas kognitif, emosi, dan tingkah laku dalam jangka masa panjang. Ikatan emosi berdasarkan kasih sayang ibu bapa menjadi asas terbentuknya tingkah laku sosial yang boleh diterima walaupun terdapat tekanan daripada persekitaran. Keutuhan sesebuah keluarga didapati sangat berpengaruh dalam membentuk perkembangan mental, sosial, dan psikologi yang sihat dalam kalangan remaja di alaf ini (McMahon, Kenyon, & Carter, 2013).

Wigfield, Eccles, Mac Iver, Reuman, dan Midgley (1991) menyatakan bahawa hubungan di antara ibu bapa dengan remaja adalah sangat penting untuk menentukan perkembangan psikososial anak-anak yang sihat. Bagi remaja yang mengalami tahap pengabaian dan kebimbangan yang tinggi, ia akan membentuk hubungan perapatan yang tidak selamat berbanding remaja yang kurang pengabaian dan kebimbangan (Karantzas, Feeney, & Wilkinson, 2010). Dapatkan ini juga konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Bradford dan Lyddon (1993) yang menunjukkan bahawa hubungan perapatan di antara ibu bapa dan anak yang kukuh memberi kesan kepada tahap estim diri yang tinggi, tahap kepuasan hidup yang tinggi, dan rendah tahap tekanan psikologikal. Kajian tempatan oleh Siti Nor, Abdullah dan Mastura Kamaruddin (1994) ke atas remaja yang ditempatkan di institusi perlindungan dan pemulihan di Semenanjung Malaysia menunjukkan remaja yang tidak mempunyai masalah moral mempunyai skor min yang lebih tinggi bagi item komunikasi, kasih sayang dan pengawasan ibu bapa berbanding dengan remaja yang mempunyai masalah moral. Ini membuktikan kurangnya perhatian dan kasih sayang oleh ibu bapa kepada remaja menimbulkan perasaan terasing serta wujud kekosongan jiwa di kalangan remaja lantas menyebabkan mereka mencari jalan keluar dan terlibat dalam tingkah laku berisiko.

Berhubung dengan masalah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja, teori sosial kognitif mengandaikan bahawa masalah ini berpunca daripada persekitaran keluarga yang kurang memberi perhatian, layanan dan kasih sayang oleh ibu bapa. Kajian yang dilakukan oleh Peiser dan Haven (1996) ke atas 177 pelajar sekolah menengah berumur di antara 15 hingga 16 tahun menunjukkan hubungan yang signifikan di

antara kualiti hubungan kekeluargaan dengan tingkah laku seksual., Ini menunjukkan sikap terhadap tingkah laku seksual akan lebih mudah tercetus jika remaja mempunyai kekurangan kasih sayang. Manakala Mizell (1999) melakukan kajian terhadap 892 orang pelajar berumur di antara 14 hingga 18 tahun di sekitar Afrika mendapati pencapaian dan perkembangan akademik yang baik di sekolah mempunyai perkaitan dengan bentuk kawalan oleh ibu bapa. Dapatkan kajian ini membuktikan ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan psikososial dan sahsiah anak-anak. Suasana rumah tangga yang bercirikan kasih sayang, kemesraan dan penglibatan ibu bapa dengan anak-anak adalah faktor penghalang remaja daripada terdorong ke arah pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual. Sesungguhnya ibu bapa dianggap sebagai ejen utama dalam proses sosialisasi seksual bagi remaja. Ibu bapa membantu membangunkan konsep dalaman seseorang remaja khasnya dalam aspek moral peribadi dan seterusnya mempengaruhi sikapindividu terhadap tingkah laku seksual(Dittus, Jaccard, & Gordon, 1999; Propper & Brown, 1986).


Selain itu juga pengaruh persekitaran melalui pengaruh rakan sebaya merupakan agen sosialisasi serta model yang paling berupaya mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja (Jensen, Gaston, & Weed, 1994; Miller & Fox, 1987). Rakan sebaya yang terlibat dengan tingkah laku seksual dilihat menjadi sumber utama dalam membekalkan pengetahuan mengenai tingkah laku seksual serta meningkatkan risiko untuk terlibat dengan fenomena remaja hamil luar nikah. Malah teori ini menyatakan bahawa proses mengamati dan meniru perilaku dan sikaprakan sebaya sebagai model merupakan tindakan belajar yang akhirnya mempengaruhi sikapdan nilai remaja (Benda & DiBlasio, 1991). Anggapan ini menunjukkan bahawa sikap dan tingkah laku seksual diperkuuh dan diteruskan apabila diberi ganjaran (pengukuhan positif) oleh kelompok rakan sebaya (Boeringer, Shehan, & Akers, 1991).

Faktor seterusnya adalah faktor kognitif yang terdiri daripada sikap terhadap tingkah laku seksual, estim diri dan lokus kawalan (*Foundations of Health Promotion Maymester* (2016)). Faktor kognitif secara dasarnya terbahagi kepada dua iaitu: (a) efikasi kendiri yang bermaksud keyakinan serta kecekapan yang dimiliki oleh individu dalam mengatur dan melaksanakan sesuatu tingkah laku (Bandura, 1999), dan (b) lokus kawalan pula bermaksud jangkaan dan pengukuhan yang hadir dalam diri sendiri sama ada melalui usaha individu (kawalan dalaman) atau dari faktor luaran (lokus kawalan luaran) seperti nasib, atau kuasa orang lain (Krech, Crutchfield, Livson, Wilson, & Parducci, 1982).

Tingkah laku dalam teori ini adalah hasil daripada nilai dan sikap peribadi mengenai tingkah laku seksual.Menurut Bandura (1991), pemprosesan maklumat struktur tingkah laku yang berhasil melalui pengaruh persekitaran ditransformasikan kepada gambaran simbol dan dapat digunakan sebagai pembimbing terhadap tindakan. Proses kognitif berfungsi sebagai penentu penting terhadap kawalan diri manusia. Selain itu, individu membuat jangkaan kemungkinan yang akan berlaku terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan, menyediakan matlamat untuk diri dan merancang

tindakan yang menyebabkan hasil yang diingini. Sehubungan itu, teori ini menjelaskan tingkah laku manusia adalah suatu proses dalam terma interaksi timbal balik yang berterusan antara faktor persekitaran, faktor kognitif dan tingkah laku.

Seperti yang dikupaskan sebelum ini, teori kognitif sosial (Bandura, 1977) diaplikasikan dalam mengkaji perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Kerangka teoretikal bagi kajian ini adalah seperti Rajah 1.3.



**Rajah 1.2 : Kerangka Teoretikal Perkaitan Antara Perapatan Ibu Bapa-anak, Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah di Semenanjung Malaysia**

Rajah 1.2 di atas menunjukkan kerangka teoretikal yang mengaplikasikan teori kognitif sosial (Bandura, 1977) dalam menjelaskan dengan mendalam perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa, melalui teori kognitif sosial (Bandura, 1977) menegaskan bahawa pembelajaran daripada pengaruh rakan sebaya, faktordemografi serta perapatan hubungan dengan ibu bapa merupakan proses yang berterusan dan tingkah laku seksual dimotivasikan dan dikawal oleh proses kognitif. Secara teorinya perubahan tingkah laku akan di pengantara oleh proses kognitif (estim diri) dan disederhanakan oleh proses kognitif (lokus kawalan diri).

### 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kerja konseptual kajian ini dibentuk berdasarkan teori kognitif sosial (Bandura, 1977) seperti Rajah 1.4. Kerangka kerja konseptual dibina berdasarkan pengetahuan penyelidik berdasarkan kepada sorotan kajian lalu. Sehubungan itu,

kelompangan yang wujud dalam kajian-kajian lepas dijadikan panduan dalam pembentukan kerangka kerja konseptual kajian ini. Kerangka kerja konseptual kajian ini akan dijadikan panduan dalam melaksanakan kajian seperti yang telah dirancang seterusnya mencapai objektif kajian yang telah dibina.

Pada umumnya, kerangka kerja konseptual dibina bagi mengukur perkaitan di antara boleh ubah demografi iaitu umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu bapa; boleh ubah bebas iaitu perapatan ibu bapa anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya); boleh ubah penengah (*mediator*) adalah estim diri; boleh ubah penyederhana (*moderator*) adalah lokus kawalan, dan boleh ubah bersandar adalah sikap terhadap tingkah laku seksual. Melalui pembinaan kerangka kerja konseptual kajian ini, perkaitan di antara umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu bapa, perapatan ibu bapa anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), lokus kawalan dan estim diri dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dapat diuji. Selain itu, kerangka kerja konseptual kajian ini juga dibina bagi kesan tidak langsung sebagai boleh ubah pengantara dan boleh ubah penyederhana.

Kerangka kerja konseptual ini mengandungi enam boleh ubah yang digunakan bagi mengenal pasti sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia iaitu; (1) boleh ubah anteseden iaitu umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa, (2) boleh ubah bebas, iaitu perapatan ibu bapa anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), (3) pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), (4) boleh ubah pengantara, estim diri (5), boleh ubah penyederhana lokus kawalan, dan (6) boleh ubah bersandar, iaitu sikap terhadap tingkah laku seksual. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka kerja konseptual kajian yang dibentuk serta dijadikan panduan kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini.

Secara dasarnya, kerangka kerja konseptual yang dibina (seperti Rajah 1.3) adalah untuk mengukur perkaitan antara boleh ubah anteseden (umur, tahun pendidikan responden, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa) dan boleh ubah bebas pula adalah perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya). Kajian ini juga memasukkan boleh ubah pengantara iaitu estim diri dan boleh ubah penyederhana lokus kawalan yang diukur melalui kesan tidak langsung. Oleh yang demikian, kesan tidak langsung daripada boleh ubah tidak bersandar iaitu perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual akan ditentukan.

Pemboleh ubah anteseden yang pertama adalah umur, ia merujuk kepada usia remaja hamil luar nikah, kedua tahun pendidikan responden adalah merujuk kepada tahun persekolahan secara formal yang diterima oleh remaja hamil luar nikah. Manakala tahun pendidikan ibu dan tahun pendidikan bapa merujuk kepada pendidikan formal yang diterima oleh ibu dan bapa.

Bagi faktor umur pengkaji akan menumpukan kepada remaja hamil luar nikah yang berumur 14 hingga 19 tahun. Kajian oleh WHO (2011) mendapati 11% remaja perempuan di seluruh dunia melakukan hubungan seks sebelum berumur 15 tahun. Manakala UNICEF (2011) mendapati 8% daripada remaja perempuan melakukan hubungan seksual di Selatan Asia.

Selain itu, tahun pendidikan responden serta tahap pendidikan ibu bapa juga diambil kira sebagai pemboleh ubah demografi. Rigsby, Macones, dan Driscoll (1998) melalui sorotan kajian tahun 1966 hingga 1997 mendapati remaja yang mempunyai sikap terhadap tingkah laku seksual berlatar belakangkan tahap pendidikan yang rendah. Tahap pendidikan ibu bapa yang rendah juga didapati menyumbang kepada sikap terhadap tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja. Ini kerana ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah dilihat gagal untuk memberi maklumat kepada remaja berkenaan pendidikan seksual dan reproduktif.

Selain daripada faktor demografi, hasil kajian lepas mendapati perapatan ibu bapa-anak merupakan salah satu faktor risiko serta faktor pelindung bagi remaja untuk membentuk sikap terhadap tingkah laku seksual yang selamat. Ikatan emosi berdasarkan kasih sayang ibu bapa menjadi asas terbentuknya tingkah laku sosial yang boleh diterima walaupun terdapat tekanan daripada persekitaran. Keutuhan sesebuah keluarga didapati sangat berpengaruh dalam membentuk perkembangan mental, sosial, dan psikologi yang sihat dalam kalangan remaja (McMahon et al., 2013). Bagi remaja yang mengalami tahap pengabaian dan kebimbangan yang tinggi, akan membentuk hubungan perapatan yang tidak selamat berbanding remaja yang kurang pengabaian dan kebimbangan (Karantz et al., 2010).


Dapatkan kajian oleh Yi, Poudel, Yasuoka, Palmer, Yi dan Jimba (2010) ke atas remaja di Kemboja membuktikan remaja yang mempunyai sikap liberal terhadap tingkah laku seksual adalah kerana kurang kepercayaan dan perapatan hubungan yang renggang dengan ibu bapa. Dapatkan kajian oleh Suzanne dan Janet (2009) mendapati remaja yang hamil luar nikah mempunyai sikap liberal terhadap tingkah laku seksual hasil daripada kurangnya pengawalan daripada ibu bapa. Kajian Markham, Tortolero, Escobar, Chaves, Parcel, Harrist dan Addy (2003) juga membuktikan bahawa hubungan yang rapat antara remaja dan ibu bapa akan mengurangkan risiko remaja mempunyai sikap terhadap tingkah laku seksual berisiko.

Terdapat kajian lepas membuktikan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor risiko yang penting dalam mempengaruhi pembentukan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual remaja. Kajian oleh Maryam et al., (2014) membuktikan pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja di luar bandar. Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Farid, Che'Rus, Dahlui, Al-Sadat dan Aziz (2014) mendapati rakan sebaya adalah merupakan penyumbang utama terhadap fenomena hamil luar nikah khasnya dalam pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual yang liberal yang merupakan sebagai identiti kelompok rakan sebaya.

Selain itu, kajian ini mengambil kira faktor estim diri sebagai pemboleh ubah pengantara antara perapatan ibu bapa-anak, populariti rakan sebaya dan tekanan rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Menurut teori estim diri Rosenberg (1965), menjelaskan bahawa estim diri adalah adalah evaluasi diri individu secara keseluruhan sama ada positif maupun negatif. Estim diri bukanlah sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu semenjak ianya lahir, akan tetapi ia merupakan suatu komponen kepribadian yang berkembang semenjak awal kehidupan manusia. Perkembangan ini terjadi secara beransur-ansur melalui interaksinya dengan ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya serta orang lain (Santrock, 2011). Menurut Rosenberg (1965), ibu bapa merupakan faktor yang penting dalam pembentukan estim diri remaja. Ibu bapa merupakan model pertama dari proses interaksi dengan remaja yang akan membantu pembentukan estim diri melalui penilaian diri remaja itu sendiri. Sekiranya ibu bapa menerima kemampuan diri remaja maka ia akan membantu remaja membentuk estim diri yang tinggi. Walau bagaimanapun sekiranya ibu bapa sering meletakkan penilaian yang melebihi kemampuan yang ada pada diri remaja, maka ia akan membentuk estim diri yang rendah dalam diri remaja. Selain itu pengaruh sosial daripada rakan sebaya juga turut mempengaruhi pembentukan estim diri yang tinggi maupun estim diri yang rendah. Penilaian yang berbeza daripada kelompok rakan sebaya akan menyebabkan remaja mempunyai estim diri yang rendah sekiranya penolakan untuk menjadi sebahagian daripada ahli kelompok berlaku (Wild, Flisher, Bhana, & Lombard, 2004).

Estim diri yang tinggi mampu mengawal remaja daripada pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual yang negatif. Kajian yang lepas membuktikan estim diri yang rendah pula akan meningkatkan kecenderungan remaja untuk terlibat dengan tingkah laku seksual (Brassard, Dupuy, Bergeron & Shaver, 2015). Estim diri seterusnya dilihat mampu memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi perapatan ibu bapa-anak, tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Memandangkan hanya terdapat sedikit kajian yang mengkaji estim diri sebagai pemboleh ubah pengantara dalam kajian yang melibatkan remaja hamil luar nikah, namun terdapat kajian-kajian lepas yang menyokong kesan estim diri dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang akan digunakan dalam kajian ini seperti yang telah diterangkan seperti di atas. Oleh yang demikian, kajian ini fokus utama kajian ini juga adalah untuk melihat sejauh mana pemboleh ubah pengantara estim diri mampu memberi kesan secara tidak langsung ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual.

Kajian ini juga memasukkan pemboleh ubah penyederhana (moderator) lokus kawalan dalam kerangka konseptual kajian. Menurut teori lokus kawalan (Rotter, 1975) lokus kawalan merujuk pada kepercayaan individu terhadap dirinya (lokus kawalan dalaman) ataupun kepercayaan dirinya dipengaruhi oleh faktor luaran (lokus kawalan luaran). Sehubungan itu, individu yang mempunyai kepercayaan bahawa dia boleh mempengaruhi kehidupan dirinya sendiri dikatakan mempunyai lokus kawalan dalaman, manakala individu yang menganggap dirinya mudah dipengaruhi oleh persekitaran dikatakan mempunyai lokus kawalan luaran. Selain itu, individu yang memiliki lokus kawalan dalaman percaya bahawa mereka mampu mengawal kehidupan mereka, manakala individu yang miliki lokus kawalan luaran mempercayai bahawa apa yang berlaku terhadap kehidupan mereka adalah dipengaruhi oleh faktor nasib, individu lain serta berlaku secara kebetulan (Chubb, Fertman, & Ross, 1997). Penemuan kajian oleh Meldrum et al.,(2013) menunjukkan tekanan rakan sebaya mempunyai perkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual sekiranya remaja mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi. Dengan menggunakan analisis tematik ke atas 120 responden di Afrika menunjukkan bahawa individu yang lebih tinggi lokus kawalan luaran cenderung untuk terdedah dengan ajakan oleh rakan sebaya untuk bertingkah laku seksual berisiko. Dapatkan kajian selari dengan kajian oleh Winskill, Brown, Patterson, Burkot dan Mbakwem (2013) dengan menggunakan kaedah penyelidikan etnografi menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara lokus kawalan luaran dan tekanan rakan sebaya terhadap tingkah laku seksual remaja. Selain itu kajian oleh Rolison dan Scherman (2002) menunjukkan remaja yang memiliki lokus kawalan dalaman mempunyai efikasi diri yang tinggi dan bermotivasi berbanding dengan remaja yang memiliki lokus kawalan luaran.



Rajah 1.3 : Kerangka Konseptual Kajian

## **1.11 Definisi Istilah**

Bahagian ini akan menerangkan mengenai definisi konseptual dan operasional setiap boleh ubah. Pemboleh ubah tersebut adalah: perapatan ibu bapa-anak (kepercayaan, komunikasi dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya), estim diri, lokus kawalan, sikap terhadap tingkah laku seksual dan ciri demografi.

### **Faktor Perapatan Ibu Bapa-anak**

#### **Definisi Konseptual**

Perapatan ibu bapa-anak adalah kewujudan ikatan hubungan yang berkualiti dan selamat antara anak dan ibu bapa (Armsden & Greenberg, 1987). Menurut Armsden dan Greenberg (1987), terdapat 3 dimensi yang akan mengukur perapatan hubungan antara ibu bapa dan anak iaitu dimensi komunikasi, kepercayaan dan pengasingan.

#### **Definisi Operasional**

Perapatan ibu bapa-anak merujuk kepada skor penilaian responden terhadap Inventori Perapatan Ibu Bapa (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987). Perapatan ibu bapa anak diukur dalam aspek kepercayaan, komunikasi dan pengasingan.

#### **Kepercayaan**

#### **Definisi Konseptual**

Kepercayaan bermaksud persepsi anak terhadap reaksi yang diberikan oleh ibu bapa terhadap perkara-perkara yang diminta, perasaan percaya terhadap tingkah laku anak serta sokongan sosial yang diberikan oleh ibu bapa dalam meningkatkan kesejahteraan dalam diri (Armsden et al., 1987).

#### **Definisi Operasional**

Kepercayaan merujuk kepada markah responden terhadap Inventori Perapatan Ibu Bapa (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987). Skor tinggi menunjukkan wujud kepercayaan antara ibu bapa dengan anak.

## **Komunikasi**

### **Definisi Konseptual**

Komunikasi bermaksud persepsi anak terhadap gaya komunikasi yang digunakan oleh ibu bapa apabila anak meminta pandangan serta berkongsi permasalahan yang dialami (Armsden et al., 1987).

### **Definisi Operasional**

Komunikasi merujuk kepada markah responden terhadap Inventori Perapatan Ibu Bapa (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987). Skor tinggi menunjukkan komunikasi antara ibu bapa dengan anak adalah baik.

## **Pengasingan**

### **Definisi Konseptual**

Pengasingan bermaksud konflik yang berlaku antara anak dengan ibu bapa yang menimbulkan perasaan terasing di dalam keluarga (Armsden et al., 1987).

### **Definisi Operasional**

Pengasingan merujuk kepada markah responden terhadap Inventori Perapatan Ibu Bapa (IPPA) oleh Armsden dan Greenberg (1987). Skor tinggi menunjukkan wujud perasaan pengasingan dalam diri.

## **Faktor Pengaruh Rakan Sebaya**

### **Definisi Konseptual**

Pengaruh rakan sebaya bermaksud pengaruh positif maupun negatif yang diterima oleh remaja daripada rakan sebaya yang akan mempengaruhi sikap, nilai dan tingkah laku. Remaja cenderung untuk terpengaruh dengan sikap, nilai dan tingkah laku rakan sebaya kerana ingin berasa diterima dan dihargai (Santor et al., 2000).

### **Definisi Operasional**

Pengaruh rakan sebaya merujuk kepada skor penilaian responden terhadap Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor et al., 2000). Pengaruh rakan sebaya diukur melalui apek tekanan dan populariti rakan sebaya (Santor et al., 2000).

## **Tekanan Rakan Sebaya**

### **Definisi Konseptual**

Tekanan rakan sebaya bermaksud paksaan yang diterima oleh remaja daripada rakan sebaya yang akan mempengaruhi sikap, nilai dan tingkah laku (Santor et al., 2000).

### **Definisi Operasional**

Tekanan rakan sebaya merujuk kepada skor penilaian responden terhadap Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor et al., 2000). Skor tinggi menunjukkan tekanan rakan sebaya memberi impak yang tinggi kepada remaja(Santor et al., 2000).

## **Populariti Rakan Sebaya**

### **Definisi Konseptual**

Populariti rakan sebaya diukur melalui penilaian responden mengenai keperluan untuk menjadi popular dalam kalangan rakan sebaya. Keperluan untuk menjadi popular bukanlah satu paksaan atau tekanan, ianya berkait dengan individu itu sendiri (Santor et al., 2000).

### **Definisi Operasional**

Populariti rakan sebaya merujuk kepada skor penilaian responden terhadap Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor, Messervey dan Kusumakar, 2000). Skor tinggi menunjukkan populariti rakan sebaya memberi impak yang tinggi kepada remaja(Santor et al., 2000).

## **Estim Diri**

### **Definisi Konseptual**

Estim diri adalah pertimbangan serta tanggapan terhadap kemampuan individu serta motivasi diri dalam mencapai sesuatu tindakan dan tujuan tertentu. Estim diri memberi kesan kepada individu untuk membuat pilihan terhadap sesuatu tindakan sama ada merasakan diri berkemampuan atau tidak mampu untuk melakukan sesuatu tindakan (Rosenberg, 1965).

### **Definisi Operasional**

Estim diri merupakan skor penilaian responden berhubung keyakinan serta kepercayaan diri apabila berhadapan dengan sesuatu situasi yang diukur melalui Skala Estim Diri Rosenberg(Rosenberg, 1965). Skor tinggi dalam skala ini menunjukkan remaja mempunyai estim diri tinggi dalam berhadapan dengan situasi.

## **Lokus Kawalan**

### **Definisi Konseptual**

Menurut Rotter, (1966) lokus kawalan merujuk kepada persepsi seseorang individu terhadap sebab dan penyebab kepada peristiwa yang berlaku dalam diri. Lokus kawalan terbahagi kepada dua iaitu lokus kawalan dalaman, iaitu merujuk kepada kecenderungan seseorang menjangkakan peneguhan adalah hasil daripada tingkah laku sendiri dan lokus kawalan luaran pula merujuk kepada faktor persekitaran dan luaran seperti nasib dan peluang di bawah kawalan orang lain yang lebih berkuasa dalam mempengaruhi tingkah laku diri seseorang individu.

### **Definisi Operasional**

Lokus kawalan merupakan penilaian responden berhubung persepsi individu terhadap sesuatu peristiwa dalam mengawal hasil tingkah laku yang diukur melalui “*Rotter I-E Scale*” (Rotter, 1966). Skor tinggi menunjukkan responden mempunyai lokus kawalan luaran.

## **Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual**

### **Definisi Konseptual**

Hendrick, Hendrick dan Reich (2006) mendefinisikan sikap terhadap tingkah laku seksual adalah penilaian remaja mengenai aspek perhubungan seksual, tingkah laku mencari pasangan seks, mencari persetujuan daripada pasangan, membentuk hubungan intim, menunjukkan nafsu serta diakhiri dengan hubungan seksual.

### **Definisi Operasional**

Sikap terhadap tingkah laku seksual merupakan skor penilaian responden terhadap Skala Ringkas Sikap terhadap tingkah laku seksual(Hendrick, Hendrick & Reich, 2006). Pengkaji akan mengukur dua bentuk sikap subjek terhadap tingkah laku seksual sebelum berkahwin iaitu sikap liberal dan sikap konservatif. Sikap liberal merujuk kepada subjek yang mempunyai pandangan positif dan menerima tingkah laku seksual sebelum berkahwin. Sikap konservatif pula merujuk kepada pandangan negatif dan tidak dapat menerima tingkah laku seksual sebelum berkahwin. Skor tinggi dalam skala ini menunjukkan remaja mempunyai sikap liberal terhadap tingkah laku seksual, manakala skor rendah menunjukkan remaja mempunyai sikap konservatif terhadap tingkah laku seksual.

## **Ciri Demografi**

### **Definisi Konseptual**

Ciri demografi merujuk kepada latar belakang remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Ia melibatkan maklumat asas remaja hamil luar nikah dan juga maklumat yang berkaitan dengan ibu dan bapa remaja hamil luar nikah.

### **Definisi Operasional**

Ciri-ciri demografi dalam kajian ini adalah umur, tahun pendidikan remaja hamil luar nikah, tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa.

### **1.12 Limitasi Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, pengaruh rakan sebaya, lokus kawalan dan estim diri dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Selain itu kajian ini mengkaji sejauh mana estim diri bertindak sebagai pengantara serta lokus kawalan sebagai penyederhana ke atas perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) dan pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Terdapat beberapa limitasi kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini.

Antaranya adalah; Pertama, responden kajian adalah terhad kepada remaja perempuan yang hamil luar nikah yang berumur 14 hingga 19 tahun sahaja. Oleh yang demikian keputusan kajian tidak dapat digeneralisasikan terhadap populasi kajian yang melebihi umur yang ditetapkan. Kedua, responden kajian terdiri daripada remaja hamil luar nikah yang tidak pernah menerima rawatan psikiatri serta bebas daripada ubat-ubatan psikotropik. Ini bermaksud responden kajian dalam kategori individu yang normal dan mempunyai tahap emosi dan kognitif yang stabil. Sekiranya responden yang dipilih adalah terdiri daripada remaja yang sedang menerima rawatan psikiatri, adalah dikhuatiri akan menjelaskan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

### **1.13 Rumusan**

Bahagian ini telah menjelaskan dengan mendalam berkenaan pengenalan, pernyataan masalah dan menerangkan dengan terperinci berkenaan pemboleh ubah perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan), pengaruh rakan sebaya (tekanan dan populariti rakan sebaya), estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Bahagian seterusnya akan mengupas dengan lebih lanjut

berkenaan sorotan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang di aplikasi dalam kajian ini.



## RUJUKAN

- Acer, D., & Akgun, E. (2010). Determining attachment styles of the pre-school teacher candidates. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 1426-1431.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahlin, E. M., & Antunes, M. J. L. (2015). Locus of control orientation: parents, peers, and place. *Journal of Youth and Adolescence*, 44(9), 1803–1818.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, Self-Efficacy, locus of control, and the theory of planned Behavior1. *Journal of applied social psychology*, 32(4), 665-683.
- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Akhir, N. M., Mohamad, M. S., & Nordin, N. M. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 131-140.
- Aomo, J. A., Aloka, P. J., & Raburu, P. (2015). The relationship between locus of control and indulgence in behaviour problems among Kenyan students. *International Journal of Psychology and Behavioral Sciences*, 5(6), 201–204.
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5), 427–454.
- Ary, D., Jacobs, L., Sorensen, C., & Walker, D. (2010). *Introduction to research in education*, Eight edition. Wadsworth: Cengage Learning.
- Aseltine, R.H. (1995). A Reconsideration of Parental and Peer Influences on Adolescent Deviance. *Journal of Health and Social Behavior*, 36(1), 103-121.
- Askun, D., & Ataca, B. (2007). Sexuality related attitudes and behaviors of Turkish university students. *Archives of Sexual Behavior*, 36(5), 741-752.
- Awaluddin, S. M., Ahmad, N. A., Saleh, N. M., Aris, T., Kasim, N. M., Sapri, N. A. M., & Rashid, N. R. N. A. (2015). Prevalence of sexual activity in older Malaysian adolescents and associated factors. *Journal of Public Health Aspects*, 2(1), 1-7.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2006). *Membentuk identiti remaja*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Azrina Abu Bakar (2002). *Psikologi personaliti individu*. Kuala Lumpur : Karisma.
- Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari & Shanina Sharatol Ahmad Shah, (2013). Adolescent with an unwanted pregnancy: an experience. *Counseling, Psychotherapy and Health*, 8(1), 8-21.
- Azriani Abdul Rahman, Razlina Abdul Rahman, Shaiful Bahari Ismail, Mohd Ismail Ibrahim, Siti Hawa Ali, Halim Salleh, & Wan Abdul Manan Wan Muda (2015). Factors associated with attitude toward premarital sexual activities among school-going adolescents in Kelantan, Malaysia. *Asia Pacific Journal of Public Health*, 27(2) 176-188.
- Babington, L. M., Malone, L., & Kelley, B. R. (2015). Perceived social support, self esteem, and pregnancy status among Dominican adolescents. *Applied Nursing Research*, 28(2), 121-126.
- Babbie, E. (1986). *The practice of social research*. Belmont, CA: Wadsworth
- Babbie, E. R., & Halley, F. (1995). *Adventures in Social Research: Data Analysis Using SPSS for Windows/Book and Disk*. New York; Pine Forge Press.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought & action : A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of self-regulation. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 248-287.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman
- Barefoot, J. C., Maynard, K. E., Beckham, J. C., Brummett, B. H. H. K., & Siegler, I. C. (1998). Trust, health and longevity. *Journal of Behavioral Medicine*, 21(1), 517–526.
- Barman-Adhikari, A., Cederbaum, J., Sathoff, C., & Toro, R. (2014). Direct and indirect effects of maternal and peer influences on sexual intention among urban African American and Hispanic females. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 31(6), 559-575.
- Barnet, B., Liu, J., DeVoe, M., Alperovitz-Bichell, K., & Duggan, A. K. (2007). Home visiting for adolescent mothers: Effects on parenting, maternal life course, and primary care linkage. *The Annals of Family Medicine*, 5(3), 224–232.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173–1182.

- Bartholomew, K., & Horowitz, L. M. (1991). Attachment styles among young adults: a test of a four-category model. *Journal of personality and social psychology*, 61(2), 226-236.
- Basen-Engquist, K., & Parcel, G. S. (1992). Attitudes, norms, and self-efficacy: A model of adolescents' HIV-related sexual risk behavior. *Health education quarterly*, 19(2), 263-277.
- Baumrind, D. (2005). Patterns of parental authority and adolescent autonomy. *New Directions for Child and Adolescent Development*, (108), 61-9.
- Becker, R. (2000). Self-efficacy scale. In K. Corcoran & J. Fischer (Eds.), Measures of clinical practice: A sourcebook, (3rd ed., pp.397-398). New York: The Free Press.
- Belgrave, F. Z., Van Oss Marin, B., & Chambers, D. B. (2000). Culture, contextual, and intrapersonal predictors of risky sexual attitudes among urban African American girls in early adolescence. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*, 6(3), 309-320.
- Benda, B., & DiBlasio, F. (1994). An integration of theory: adolescent sexual contacts. *Journal of Youth and Adolescence*, 23(3), 403-420.
- Berita Harian*. (2015. Disember 15). Tangani isu remaja hamil luar nikah.
- Beyers, W., Veryser, E., & Verlee, E. (2015). Parent and peer predictors of adolescents' sexual development: Can parents buffer peer influence? *European Journal of Developmental Psychology*, 12(5), 599–612.
- Black, M. M., Oberlander, S. E., Lewis, T., Knight, E. D., Zolotor, A. J., & Litrownik, (2009). Sexual intercourse among adolescents maltreated before age 12 : a prospective investigation. *Pediatrics*, 124(3), 941–949.
- Blair, E., & Blair, J. (2014). *Applied survey sampling*. Boston: Sage Publications.
- Boardman, L. A., Allsworth, J., Phipps, M. G., & Lapane, K. L. (2006). Risk factors for unintended versus intended rapid repeat pregnancies among adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 39(4), 594-600.
- Boden, J. M., & Horwood, L. J. (2006). Self-esteem, risky sexual behavior, and pregnancy in a New Zealand birth cohort. *Archives of Sexual Behavior*, 35, 549–560.
- Boeringer, S., Shehan, C., & Akers, R. (1991). Social contexts and social learning in sexual coercion and aggression: assessing the contribution of fraternity membership. *Family Relations*, 40(1), 58-64.
- Bogels, S. M. & Brechman-Toussaint, M. L. (2006). Family issues in child anxiety: Attachment, family functioning, parental rearing and beliefs. *Clinical Psychology Review*, 26(1), 834 – 856.

- Boggess, S., & Bradner, C. (2000). Trends in adolescent males' abortion attitudes, 1988-1995: Differences by race and ethnicity. *Family Planning Perspectives*, 32(3), 118-123.
- Boivin, M., & Begin, G. (1989). Peer status and self-perception among early elementary school children: The case of the rejected children. *Child development*, 60(3), 591-596.
- Bowker, J. C., Adams, R. E., Bowker, M. H., Fisher, C., & Spencer, S. V. (2015). Same-and other-sex popularity and preference during early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*. 40(1), 1-19.
- Bowlby, J. (1969). Attachment and Loss, vols 1, 2. *London: Hogarth*.
- Bradford & Lyddon, (1993). Dlm. Nelis, S.M & Rae, G. (2009). Brief report : peer attachment in adolescence. *Journal of Adolescence*, 32(1), 443-447.
- Brassard, A., Dupuy, E., Bergeron, S., & Shaver, P. R. (2015). Attachment insecurities and women's sexual function and satisfaction: The mediating roles of sexual self-esteem, sexual anxiety, and sexual assertiveness. *The Journal of Sex Research*, 52(1), 110–119.
- Breakwell, G. M., & Millward, L. J. (1997). Sexual self-concept and sexual risk-taking. *Journal of Adolescence*, 20(1), 29-41.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of cross-cultural psychology*, 1(3), 185-216.
- Bronfenbrenner, U. (1992). *Ecological systems theory*. In. R. Vasta (Ed.), Six theories of child development: Revised formulations and currents issues (pp. 187-249). London : Jessica Kingsley Publishers.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U., & Ceci, S. J. (1994). Nature-nurture reconceptualized in developmental perspective: A bioecological model. *Psychological review*, 101(4), 568-586.
- Bronfenbrenner, U. & Morris, P.A. (2006). The biological model of human development. In W. Damon & R.M. Lerner (Eds.). *Handbook of Child Psychology, Volume One: Theoretical Models of Human Development* (6<sup>th</sup> ed.), pp. 793-828. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Brown, S., & Guthrie, K. (2010). Why don't teenagers use contraception? A qualitative interview study. *The European Journal of Contraception & Reproductive Health Care*, 15(3), 197-204.
- Burack R. (1999). Teenage sexual behaviour: attitudes towards and declared sexual activity. *The British Journal of Family Planning*, 24(4), 145–148.

- Burke, J., & Christensen, L. (2004). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Burns, R. (1990). *Introduction To Research Methods In Education*. Melbourne Australia: Longman Cheshire Pty.Ltd.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction To Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Byrne, B. M. (2010). *Structural Equation Modelling with AMOS; Second Edition*. New York: Taylor & Francis Group.
- Byno, L. H. (2006). *Sexual Behavior, Sexual Knowledge, Self-Esteem, And Sexual Attitudes Among Emerging Adult Females* (Doctoral dissertation, Florida State University).
- Cavanagh, S. E. (2004). The sexual debut of girls in early adolescence: The intersection of race, pubertal timing, and friendship group characteristics. *Journal of Research on Adolescence*, 14(3), 285–312.
- Cederbaum, J. A., Hutchinson, M. K., Duan, L., & Jemmott, L. S. (2013). Maternal HIV serostatus, Mother–daughter sexual risk communication and adolescent HIV risk beliefs and intentions. *AIDS and Behavior*, 17(7), 2540-2553.
- Cederbaum, J. A., & Hutchinson, M. K. (2016). Parent–child communication about abstinence and safer sex in parochial school families. *Journal of HIV/AIDS & Social Services*, 15(1), 48-68.
- Cherie, A., & Berhane, Y. (2012). Peer pressure is the prime driver of risky sexual behaviors among school adolescents in Addis Ababa , Ethiopia. *World Journal of AIDS*, 2, 159-164
- Chua Yan Piaw (2006). Kaedah penyelidikan. Malaysia:Mc-Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Kajian. Buku 1. Kaedah Kajian*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chubb, N. H., Fertman, C. I., & Ross, J. L. (1997). Adolescent Self-Esteem and Locus of Control: A Longitudinal Study of Gender and Age Differences. *Adolescence*, 32(125), 113-130.
- Clarke, J. (2009). Repeat Teenage Pregnancy in Two Cultures-The Meanings Ascribed by Teenagers. *Children & Society*, 24(1), 188–199.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Cohen, J. (1992). A power primer. *Psychological bulletin*, 112(1), 155.

- Cohen, J., Cohen, P., West, S. G., & Aiken, L. S. (2013). *Applied multiple regression/correlation analysis for the behavioral sciences*. Routledge.
- Coleman, P. K. (2006). Resolution of unwanted pregnancy during adolescence through abortion versus childbirth: Individual and family predictors and psychological consequences. *Journal of Youth and Adolescence*, 35(6), 903-911.
- Coleman, J. C., & Hendry, L. B. (1999). *The nature of adolescence*. Third edition. New York: Psychology Press.
- Collier, J. (2009). The rising proportion of repeat teenage pregnancies in young women presenting for termination of pregnancy from 1991 to 2007. *Contraception*, 79(5), 393–6.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research: Developments, debates, and dilemmas. *Research in organizations: Foundations and methods of inquiry*, 315-326.
- Creswell. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. London: SAGE publications.
- Crittenden, C. P., Boris, N. W., Rice, J. C., Taylor, C. a, & Olds, D. L. (2009). The role of mental health factors, behavioral factors, and past experiences in the prediction of rapid repeat pregnancy in adolescence. *The Journal of Adolescent Health*. 44(1), 25–32.
- Crosnoe, R., Erickson, K.G. & Dornbusch, S.M. (2002). Protective functions of family relationships and school factors on the deviant behaviour of adolescent boys and girls: Reducing the impact of risky friendships. *Youth Society*, 33(1), 515-525.
- Crouter AC & Head MR. (2002). *Parental monitoring and knowledge of children. Handbook on parenting*. 2nd ed. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Champoux, J.E. & Peters, W.S. (1987). Form, effect size, and power in moderated regression analysis. *Journal of Occupational Psychology*, 60(1), 243-255.
- Cherie, A., & Berhane, Y. (2012). Oral and anal sex practices among high school youth in Addis Ababa, Ethiopia. *BMC Public Health*, 12(1), 5.
- Davison, A.C. and Hinkley, D. V. (1997). *Bootstrap Methods and Their Application*. New York: Cambridge University Press.
- Dawson, J. F. (2014). Moderation in Management Research: What, Why, When, and How. *J. Bus Psychol*, 29(1), 1-19.

- De Bruyn, E. H., & Van Den Boom, D. C. (2005). Interpersonal behavior, peer popularity, and self-esteem in early adolescence. *Social Development*, 14(4), 555–573.
- De Bruyn, E. H., Cillessen, A. H., & Weisfeld, G. E. (2012). Dominance-popularity status, behavior, and the emergence of sexual activity in young adolescents. *Evolutionary psychology*, 10(2), 112-145
- De Vaus, D. (1985). *Surveys in social research*. 6th edition. Sydney: Allen & Unwin.
- Dicine, M. E., Com, & Ity, (2010). Predictors of sexual intercourse and rapid-repeat pregnancy among teenage mothers: an Australian prospective longitudinal study. *Med J Aust*, 193(6), 143-156.
- Deptula, D. P., Henry, D. B., & Schoeny, M. E. (2010). How can parents make a difference? Longitudinal associations with adolescent sexual behavior. *Journal of Family Psychology*, 24(6), 731–739.
- Diekhoff, G. (1992). *Statistics for the social and behavioral sciences: univariate, bivariate, multivariate*. Midwestern State University: Prentice Hall Humanities/Social Science
- Dittus, P. J., Jaccard, J., & Gordon, V. V. (1999). Direct and nondirect communication of maternal beliefs to adolescents: Adolescent motivations for premarital sexual activity. *Journal of Applied Social Psychology*, 29(9), 1927-1963.
- Doyle, A.B., Ducharme, J., & Markiewicz, D. (2002). Attachment security with mother and father: Associations with adolescent' reports of interpersonal behavior with parents and peers. *Journal of sosial and personal relationship*, 19 (2), 203-231.
- Doyle, A. B., & Moretti, M. M. (2000). Attachment to parents and adjustment in adolescence: Literature review and policy implications. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 64(1), 244-253.
- Eder, P. & Eisenberger, R. (2008). Perceived organizational support: Reducing the negative influence of coworker withdrawal behavior. *Journal of Management*, 34(1), 55-68.
- Edward, E., Jones & Victor A., H. (1967). the attribution of attitudes. *Journal of Experimental Social Psychology*, 3(1), 1–24.
- Efron, B. (1987). Better bootstrap confidence intervals. *Journal of the American statistical Association*, 82(397), 171-185.
- Eggleston, E., Jackson, J., & Hardee, K. (1999). Sexual attitudes and behavior among young adolescents in Jamaica. *International Family Planning Perspectives*, 78-91.

- Elder Jr, G.H. & Shanahan, M.J. (2006). The life course and human development. In W. Damon & R.M. Lerner (Eds.). *Handbook of Child Psychology, Volume One: Theoretical Models of Human Development* (6<sup>th</sup> ed.), pp. 665-715. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- El-Kamary, S. S., Higman, S. M., Fuddy, L., McFarlane, E., Sia, C., & Duggan, A. K. (2004). Hawaii's healthy start home visiting program: determinants and impact of rapid repeat birth. *Pediatrics*, 114(3), 317-26.
- Ellis, B. J., Schloemer, G. L., Tilley, E. H., & Butler, E. A. (2012). Impact of fathers on risky sexual behavior in daughters: A genetically and environmentally controlled sibling study. *Development and psychopathology*, 24(01), 317-332.
- Enger, J. M., Howerton, D. L., & Cobbs, C. R. (1994). Internal/external locus of control, self-esteem, and parental verbal interaction of at-risk black male adolescents. *The Journal of social psychology*, 134(3), 269-274.
- Epstein, M., Bailey, J. A., Manhart, L. E., Hill, K. G., & Hawkins, J. D. (2014). Sexual Risk Behavior in Young Adulthood : Broadening the Scope Beyond Early Sexual Initiation, 51(7), 721-730.
- Epstein, M., Bailey, J. A., Manhart, L. E., Hill, K. G., Hawkins, J. D., Haggerty, K. P., & Catalano, R. F. (2014). Understanding the link between early sexual initiation and later sexually transmitted infection: test and replication in two longitudinal studies. *Journal of Adolescent Health*, 54(4), 435-441.
- Erikson, E. (1963). *Children and society*. New York: Norton.
- Espelage, D. L., & Holt, M. K. (2001). Bullying and victimization during early adolescence: Peer influences and psychosocial correlates. *Journal of Emotional Abuse*, 2(2-3), 123-142.
- Ethier, K. A., Kershaw, T. S., Lewis, J. B., Milan, S., Niccolai, L. M., & Ickovics, J. R. (2006). Self-esteem, emotional distress and sexual behavior among adolescent females: Inter-relationships and temporal effects. *Journal of Adolescent health*, 38(3), 268-274.
- Faizah, A. G., & Azian, A. A. (2013). Illegitimate childbearing scenario among adolescents. *Research Journal in Organizational Psychology and Educational Studies*, 2(5), 260-270.
- Farid, N. D. N., Che'Rus, S., Dahlui, M., Al-Sadat, N., & Aziz, N. A. (2014). Predictors of sexual risk behaviour among adolescents from welfare institutions in Malaysia: a cross sectional study. *BMC public health*, 14(3), 9-16.
- Foundations of Health Promotion Maymester (2016). *Group-based Comprehensive Risk Reduction Interventions for Adolescents (HIV/AIDS, STIs, Teen Pregnancy)*: Foundations of Health Promotion Maymester.

Fauwaz Hasbullah (2016). "Seksualiti Remaja : Isu dan Cabaran Keluarga di Malaysia. Seminar Isu-isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016. 19 Mac 2016.

Fatimah Abdullah (2009). Kes ibu tanpa nikah di Selangor berdasarkan rekod di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Pusat Perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia. Paper presented at the Seminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor, Selangor.

Fatimah Abdullah, Khaidzir Ismail & Suraiyah Harun (2013). Menjadi ibu di usia remaja: Kes ibu tanpa nikah di sebuah rumah perlindungan. *Jurnal Sarjana*, 1(1), 12-14.

Fearon, E., Wiggins, R. D., Pettifor, A. E., & Hargreaves, J. R. (2015). Is the sexual behaviour of young people in sub-Saharan Africa influenced by their peers? *A Systematic Review. Social Science & Medicine*, 146, 62–74.

Feeney, J. A., Peterson, C., Gallois, C., & Terry, D. J. (2000). Attachment style as a predictor of sexual attitudes and behavior in late adolescence. *Psychology & health*, 14(6), 1105-1122.

Findley, D., "Self-Concept Clarity and Self-Esteem in Adolescence: Associations with Psychological, Behavioral, and Academic Adjustment" (2013). *Theses Dissertations*.

Findley, D. (2013). *Self-concept clarity and self-esteem in adolescence : associations with psychological , behavioral , and academic adjustment*, (January).

Fisher, T. D., & Hall, R. G. (1988). A scale for the comparison of the sexual attitudes of adolescents and their parents. *Journal of Sex Research*, 24(1), 90-100.

Flaherty, S. C., & Sadler, L. S. (2011). A review of attachment theory in the context of adolescent parenting. *Journal of Pediatric Health Care*, 25(2), 114-121.

Flay, B. R., & Petraitis, J. (1994). The theory of triadic influence: A new theory of health behavior with implications for preventive interventions. *Advances in Medical Spciology*, 4(3), 19-44.

Fleiss JL (1981): *Statistical methods for rates and proportions*, 2nd ed. New York, NY: Wiley.

Folasayo, A. T., Oluwasegun, A. J., Samsudin, S., Saudi, S. N. S., Osman, M., & Hamat, R. A. (2017). Assessing the knowledge level, attitudes, risky behaviors and preventive practices on sexually transmitted diseases among university students as future healthcare providers in the central zone of Malaysia: A cross-sectional study. *International Journal of Environmental Research And Public Health*, 14(2), 159.

- Fosco, G. M., Stormshak, E. A., Dishion, T. J., & Winter, C. E. (2012). Family relationships and parental monitoring during middle school as predictors of early adolescent problem behavior. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 41(2), 202-213.
- Franzoi, S. & Klaiber, J. (2007). Body use and reference group impact: With whom do we compare our bodies? *Sex Roles*, 56, 205–214.
- Fraenkel, Norman & Wallen (2005). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw Hill Inc.
- Furman, W., Simon, V. A., Shaffer, L., & Bouchey, H. A. (2002). Adolescents' working models and styles for relationships with parents, friends, and romantic partners. *Child development*, 73(1), 241-255.
- Furnham, A., & Cheng, H. (2016). Childhood intelligence, self-esteem, early trait neuroticism and behaviour adjustment as predictors of locus of control in teenagers. *Personality and Individual Differences*, 95, 178–182.
- Gay C. Armsden, M. T. G. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5), 427–454.
- Gay, L.R. & Diehl, P. L. (1992). *Research Methods for Business and Management*. New York: Macmillan.
- George, D., & Mallery, P. (2003). Frequencies. *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference*, 11, 98-103.
- George, D., & Mallery, P. (2003). Reliability analysis. *SPSS for Windows, step by step: a simple guide and reference*, 14th edn. Boston: Allyn & Bacon, 222-232.
- Giordano, P. C., Soto, D. A., Manning, W. D., & Longmore, M. A. (2010). The characteristics of romantic relationships associated with teen dating violence. *Social Science Research*, 39(6), 863-874. Pericak, S. A. (2012). *Parent-adolescent relationships, sexuality-related communication and sexual identity development (Doctoral dissertation)*.
- Gist, M. E., & Mitchell, T. R. (1992). Self-efficacy: A theoretical analysis of its determinants and malleability. *Academy of Management review*, 17(2), 183-211.
- Glesne, C., & Peshkin, A. (1992). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. White Plains, NY: Longman.
- Goddard, R. D., Hoy, W. K., & Hoy, A. W. (2004). Collective efficacy beliefs: Theoretical developments, empirical evidence, and future directions. *Educational researcher*, 33(3), 3-13.

- Goldfarb, E. S., Donnelly, J., Duncan, D. F., Young, M., Eadie, C., & Castiglia, D. (1999). Evaluation of an abstinence-based curriculum for early adolescents: First year changes in sex attitudes, knowledge and behavior. *North American Journal of Psychology*, 1(2), 243.
- Goodson, P., Buhi, E. R., & Dunsmore, S. C. (2006). Self-esteem and adolescent sexual behaviors, attitudes, and intentions: A systematic review. *Journal of Adolescent Health*, 38, 310–319.
- Graber, J. A., Brooks-Gunn, J., & Petersen, A. C. (1997). Transitions through adolescence: interpersonal domains and context. *Adolescence*, 32(125), 246.
- Guerra, V. M., Gouveia, V. V., Sousa, D. M., Lima, T. J., & Freires, L. A. (2012). Sexual liberalism–conservatism: The effect of human values, gender, and previous sexual experience. *Archives of sexual behavior*, 41(4), 1027-1039.
- Guzman, B.L., Schlehofer-Sutton, M. M., Villanueva, G. M., Dello Striatto, M. E., Cassad, B. J., & Feria, A. (2003). Let's talk about sex. How comfortable discussions about sex impact teen sexual behavior. *Journal of Health Communication*, 8(6), 583-598.
- Hair, J. F., Jr, Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., dan Tatham, R. L. (2006). *Multivariate Data Analysis* (6th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Printice Hall.
- Hair, Joseph F., G. Tomas M. Hult, Christian M. Ringle, and M. S. (2014). *A primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2010). *Belia berisiko : profil, faktor penyebab dan intervensi*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Harden, K. P. (2014). A sex-positive framework for research on adolescent sexuality. *Perspectives on Psychological Science*, 9(5), 455–469.
- Hardy, M. A., & Bryman, A. (2004). *Handbook of data analysis*. London; SAGE publications.
- Harlina Halizah Siraj, (2015). *Adolescent sexuality and teenage pregnancy*. 6th Perak health conference, Hotel Casuarina Ipoh, Perak.17-19 Ogos.
- Hayes, A. F., & Scharkow, M. (2013). The relative trustworthiness of inferential tests of the indirect effect in statistical mediation analysis does method really matter? *Psychological Science*, 24(10), 1918-1927.
- Hayes, A. F. (2013). *Introduction to mediation, moderation, and conditional process analysis: a regression-based approach*. New York: The Guilford Press.

- Herold, E. S., Goodwin, M. S., & Lero, D. S. (1979). Self-esteem, locus of control, and adolescent contraception. *The Journal of psychology*, 101(1), 83-88.
- Helmer, S. M., Krämer, A., & Mikolajczyk, R. T. (2012). Health-related locus of control and health behaviour among university students in North Rhine Westphalia, Germany. *BMC Research Notes*, 5(1), 1–8.
- Hendrick, C., Hendrick, S. S., & Reich, D. A. (2006). The brief sexual attitudes scale. *Journal of Sex Research*, 43(1), 76–86.
- Hogben, M., & Byrne, D. (1998). Using social learning theory to explain individual differences in human sexuality. *Journal of Sex Research*, 35(1), 58-71.
- Hongmei, Y., Bonita, S., Xiaoming, L., & Lesley, C. (2007). Dynamic association between parental monitoring and communication and adolescent risk involvement among african-american adolescents. *Journal of the National Medical Association*, 99(5), 517-521.
- Houck, C. D., Barker, D., Rizzo, C., Hancock, E., Norton, A., & Brown, L. K. (2014). Sexting and sexual behavior in at-risk adolescents. *Pediatrics*, 133(2), 276-282.
- Hsieh, H. F., Zimmerman, M. A., Bauermeister, J. A., Caldwell, C. H., Xue, Y., Wang, Z., & Hou, Y. (2016). Cumulative risks and promotive factors for Chinese adolescent problem behaviors. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 43, 71–82.
- Huck, S. W., Cormier, W. H., & Bounds, W. G. (1974). *Reading statistics and research* (pp. 69-71). New York: Harper & Row.
- International Institute for Population Sciences (2007). *National family health survey 2005-2006*. Mumbai: International Institute for Population Sciences and Macro International.,
- Isaac, S. & Michael, W. B. (1995). *Handbook in Research and Evaluation*. (EdITS., Ed.). San Diego.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015). Kes Kanak-kanak Memerlukan Perlindungan dan Pemuliharaan Tahun 2011 sehingga 2014. Malaysia: Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Pendaftaran Negara (2016). *Statistik Anak Tak Sah Taraf Tahun 2013 hingga Tahun 2015*. Malaysia; Jabatan Pendaftaran Negara
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2015). *Perangkaan Penduduk*. Putrajaya; Jabatan Perangkaan
- Jaccard, J., Dittus, P. J., & Gordon, V. V. (1998). Parent-adolescent congruency in reports of adolescent sexual behavior and in communications about sexual behavior. *Child Development*, 69(1), 247–261.

- Jaccard, J., Dittus, P. J., & Gordon, V. V. (2000). Parent-teen communication about premarital sex: factors associated with the extent of communication. *Journal of Adolescent Research*, 15(2), 187–208.
- Jaccard, J., & Wan, C. K. (1995). A paradigm for studying the accuracy of self report of risk behavior relevant to AIDS: Empirical perspectives on stability, recall bias, and transitory influences. *Journal of Applied Social Psychology*, 25(1), 1831–1858.
- Jenson, L., de Gaston, J., & Weed, S. (1994). Societal and parental influences on adolescent sexual behavior. *Psychological Reports*, 75, 928-930
- Jemmott, J. B., Jemmott, L. S., Spears, H., Hewitt, N., & Cruz-Collins, M. (1992). Self-efficacy, hedonistic expectancies, and condom-use intentions among inner-city black adolescent women: a social cognitive approach to AIDS risk behavior. *Journal of Adolescent Health*, 13(6), 512-519.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2004). *Educational Research: Quantitative, Qualitative, And Mixed Approaches* (2nd Ed.). Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Johnston, V., Westphal, D.W., Earnshaw, C., & Thomas, D.P. (2012). Starting to smoke: A qualitative study of the experiences of Australian indigenous youth. *BMC Public Health*, 12(1), 963-976.
- Jones KH, Womble M, Searcy CA (1996) T & I education students: Perception of courses. *Journal Of Industrial Teacher Education*, 1 (34), 82-101.
- Kabiru, C. W., & Ezeh, A. (2007). Factors associated with sexual abstinence among adolescents in four sub-Saharan African countries. *African Journal of Reproductive Health*, 11(3), 111-120.
- Kadir, N. B. Y. A., Rahim, S. A., Matalib, M. H. A., Mahmud, W. A. W., Chong, S. T., & Subhi, N. (2012). Development of the self-report measures of assessing developmental assets among at-risk youth in Malaysia. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 29(5), 391-407.
- Kakavouli, A. (2001). Family and sex education: a survey of parental attitudes. *Sex Education: Sexuality, Society and Learning*, 1(2), 163-174.
- Kalolo, A., & Kibusi, S. M. (2015). The influence of perceived behaviour control, attitude and empowerment on reported condom use and intention to use condoms among adolescents in rural Tanzania. *Reproductive Health*, 12(1), 105-110.
- Karantzolas, G. C., Feeney, J. A., & Wilkinson, R. (2010). Is less more? Confirmatory factor analysis of the attachment style questionnaires. *Journal of Social and Personal Relationships*, 27(6), 749-780.

- Katherine Hutchinson, M., & Wood, E. B. (2007). Reconceptualizing adolescent sexual risk in a parentbased expansion of the theory of planned behavior. *Journal of Nursing Scholarship*, 39(2), 141-146.
- Kearney, C., Hisrich, R., & Roche, F. (2008). A conceptual model of public sector corporate entrepreneurship. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 4(3), 295-313.
- Kerlinger, F. N. (1986). Foundations of behavioral science. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Kenny, D. A. (2014). Mediation. Retrieved from <http://davidakenny.net/cm/mediate.htm#CI>
- Kenny, M. E., & Rice, K. G. 1995. Attachment to parents and adjustment in late adolescent college students: Current status, application, and future considerations. *Counseling Psychologist* 23(1), 433-456.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2015). *Garis Panduan Pusat Jagaan Generasiku Sayang*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2015). *National adolescent health, plan of action 2015-2020*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2015). *Pelan Tindakan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2015 hingga 2020*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia
